



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
second Session

Jilid II **Bil. 22** **Hari Khamis** **8hb Disember, 1988**

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 35)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 (Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 8hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAW MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

CUKAI PEMBANGUNAN - MENGHAPUSKAN

1. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah beliau bercadang menghapuskan cukai pembangunan atas individu yang berniaga sebagai tuan-tuan punya tunggal atau perkongsian memandangkan:

- (a) cukai ini akan dihapuskan ke atas syarikat-syarikat mulai tahun taksiran 1990 dan
- (b) kalau tidak dihapuskan untuk individu, ianya merupakan diskriminasi dan tidak adil kepada peniaga-peniaga, terutamanya mereka yang tidak ada pilihan, kerana kehendak undang-undang dan lain-lain, melainkan berniaga atas nama sendiri atau perkongsian.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa:

- (a) Kerajaan belum bercadang untuk menghapuskan cukai pembangunan ke atas individu termasuk peniaga 'tuan punya tunggal' atau perkongsian walaupun cukai ini akan dihapuskan ke atas syarikat-syarikat mulai tahun taksiran 1990.

Penghapusan cukai pembangunan syarikat dan penurunan kadar cukai syarikat daripada 40% kepada 35% adalah sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia supaya lebih kompetitif dan lebih menarik kepada pelabur-pelabur berbanding dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara dunia yang lain.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sebarang langkah penghapusan cukai atau pengurangan kadar cukai ke atas individu hendaklah dilakukan kepada semua individu, tidak hanya kepada individu peniaga 'tuan punya tunggal' atau perkongsian sahaja. Sekiranya ini dilakukan, Kerajaan akan mengalami kehilangan hasil yang lebih besar lagi.

- (b) Mengenai soal yang kedua, ingin saya memaklumkan bahawa diskriminasi atau layanan tidak adil seperti yang dinyatakan adalah tidak berbangkit di dalam perkara ini. Ini disebabkan bahawa cukai yang dikenakan ke atas perniagaan 'tuan punya tunggal' atau perkongsian adalah mengikut kadar individu yang mana ianya dikenakan mengikut 'scale rate' daripada 5% hingga 40%, di samping cukai pembangunan. Manakala syarikat-syarikat dikenakan dengan cukai syarikat pada satu kadar sahaja iaitu 35%.

Oleh itu secara relatifnya beban cukai yang ditanggung oleh perniagaan 'tuan punya tunggal' atau perkongsian adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan beban cukai yang ditanggung oleh syarikat walaupun cukai pembangunan ke atas syarikat dihapuskan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan akan tidak menghapuskan cukai pembangunan ke atas individu berniaga sebagai tuan-tuan punya tunggal atau perkongsian tetapi saya ingin tanya adakah Kerajaan bercadang meninggikan pelepasan cukai pembangunan dari \$5,000 kepada \$10,000?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak.

PENYELIA SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

2. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) sama ada beliau sedar hampir semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tidak mempunyai seorang penyelia yang mahir dalam Bahasa Tamil untuk menyelia sekolah-sekolah Tamil di Daerah tertentu; dan
 - (b) rancangan Kementerian untuk melantik seorang penyelia yang mahir dalam Bahasa Tamil di setiap Pejabat Pendidikan Daerah yang mempunyai banyak SRJK (T) di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum ada rancangan untuk mengadakan seorang penyelia sekolah-sekolah Tamil di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kerana pada masa ini sudah pun ada seorang penyelia yang menyelia sekolah-sekolah Tamil di peringkat negeri.

Di antara tugas-tugas Penyelia Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil adalah seperti berikut:-

- (a) Membantu penempatan guru-guru ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan SRJK(C) dan (T).
- (b) Membantu penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil bagi kurikulum KBSR dan KBSM.
- (c) Membantu penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan.

Di samping itu, Pegawai-pegawai Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah sentiasa mengawasi mutu pendidikan di sekolah-sekolah termasuk di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Walau bagaimanapun, sekiranya ada kekosongan jawatan Penyelia Sekolah-sekolah Cina dan Tamil di peringkat negeri atau daerah, guru-guru yang ada kelulusan dan kemahiran dalam bidang tersebut akan dilantik.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Jabatan Pendidikan Negeri *tiap-tiap* negeri ada Unit Khas untuk Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris tetapi tidak ada Unit Khas untuk bahasa Cina dan bahasa Tamil? Begitu juga ada Pegawai-pegawai Khas untuk Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris tetapi tidak ada Pegawai Khas untuk bahasa Tamil dan Cina. Adakah Kementerian Pendidikan merancang untuk melantik Pegawai-pegawai Khas untuk bahasa Cina dan bahasa Tamil?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang kaji cadangan ini yang sudahpun dikemukakan oleh beberapa pihak dahulu tetapi satu keputusan belum ditetapkan lagi. Dan buat sementara seperti saya sudah nyata tadi, tugasnya dijalankan oleh penyelia sekolah-sekolah Cina ataupun Tamil.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Pendidikan akan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 secara penuh dan pengajaran bahasa Tamil akan menjadi sebahagiannya. Oleh kerana perlunya tenaga-tanaga pengajar di sekolah menengah atas dan penyelia mahir dalam bahasa Tamil bagi melaksanakan KBSM ini maka bolehkah Kementerian Pendidikan menawarkan semula kursus pengajaran bahasa Tamil - program diploma pendidikan di Universiti Malaya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan belum membuat cadangan kepada pihak Universiti untuk menganjurkan kursus itu tetapi adalah wakil-wakil sudah buat permohonan dengan tidak rasmi dan berkesan. Selepas mereka sudah buat permohonan dengan rasminya, Kementerian Pendidikan akan kaji perkara ini bersama-sama dengan pihak Universiti.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pegawai-pegawai pendidikan daerah yang dilantik di seluruh Semenanjung Malaysia ini adalah cuma seorang sahaja daripada keturunan India di Hulu Selangor. Apakah langkah ataupun tindakan Kementerian Pendidikan supaya pegawai-pegawai pendidikan daerah ini boleh bertambah mengikut kaumnya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sudah jawab kepada soalan asas itu, Kementerian Pendidikan sudahpun mengambil langkah dan sekiranya ada jawatan kosong atau sekiranya perlu, kita akan mengisikan jawatan itu dengan pegawai yang sesuai.

HUBUNGAN DAGANGAN DENGAN LUAR NEGERI

3. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan:-

- (a) sejauh manakah perkembangan/peningkatan hubungan dagangan, dan peningkatan imej negara hasil dari lawatan Menteri keluar negeri bagi tahun 1987/88; dan
- (b) apakah peranan dan tindakbalas yang diambil oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negeri bagi menangkis isu-isu tidak sihat dan mengelirukan oleh warganegara individu dan negarawan ketika mereka berada di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che

Wan]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) adalah agak sukar bagi Kementerian saya untuk menilai serta mengukur dari segi kuantiti hasil-hasil lawatan yang telah dibuat oleh Menteri Luar keluar negeri khususnya dari perspektif peningkatan hubungan dagangan dan peningkatan imej negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Menteri Luar telah mengadakan dua lawatan rasmi pada 1987 iaitu lawatan ke negara-negara ASEAN pada bulan Mei dan Fiji pada bulan November. Sepanjang tahun ini pula iaitu sehingga bulan November,

Menteri Luar telah mengadakan lawatan rasmi ke enam buah negara termasuk tiga buah negara lain semasa mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kebanyakan lawatan-lawatan yang dibuat adalah di atas jemputan rasmi rakan-rakan sejawat dari negara-negara tertentu yang merupakan lawatan suaikenal di samping mengadakan perbincangan dari hati ke hati bagi penyelesaian ke atas isu-isu penting untuk kesejahteraan, manfaat dan kepentingan bersama. Lawatan-lawatan ini juga penting bagi meningkatkan lagi hubungan baik dua hala yang sedia wujud dengan sesebuah negara yang dilawati di berbagai-bagai bidang seperti di bidang ekonomi dan perdagangan, pelaburan, pelancongan, kebudayaan, pendidikan dan lain-lain lagi.

Mengenai peningkatan imej negara pula, ingin saya sebutkan di sini bahawa lawatan-lawatan yang melibatkan pemimpin-pemimpin negara sudah tentu dengan cara tidak langsung akan memperkenalkan Malaysia kepada penduduk-penduduk di negara-negara yang dilawati itu. Di samping itu pula, dengan mengadakan lawatan-lawatan keluar negeri yang mana kebanyakannya, seperti yang telah saya nyatakan tadi, adalah untuk memenuhi undangan rasmi daripada rakan-rakan sejawat,

menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan negara kita yang mahu berbaik-baik dan bekerjasama dengan semua negara di dunia ini, kecuali Afrika Selatan dan Israel, di dalam penyelesaian isu-isu dua hala serta antarabangsa bagi kesejahteraan dan keamanan dunia. Keikhlasan ini bukan sahaja dapat meningkatkan imej negara di kaca mata negara yang dilawati, bahkan juga dikaca mata negara-negara yang lain di seluruh dunia ini.

- (b) Kumpulan yang mengkritik Kerajaan dan menimbulkan kekeliruan di luar negeri sebenarnya bukanlah terdiri daripada negarawan tetapi watganegara individu yang tidak memikirkan langsung soal kepentingan negara pada keseluruhannya. Dalam kegairahan mereka untuk memenuhi cita-cita tertentu, mereka telah memesongkan fakta-fakta sebenar. Kerajaan memang pandang berat akan kegiatan individu-individu ini yang memberi gambaran yang tidak sihat dan tepat yang merugikan negara.

Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri sentiasa peka dan sensitif terhadap kegiatan-kegiatan mereka ini. Bagi membetulkan tanggapan yang mungkin terbit dari kegiatan itu, perwakilan-perwakilan kita berusaha menemui

sasaran-sasaran tertentu di luar negeri seperti kumpulan-kumpulan perdagangan, pelabur-pelabur dan pegawai-pegawai Kerajaan di negara tuan rumah untuk memberi gambaran yang sebenar-benarnya. Bagaimanapun, Kerajaan yakin kegiatan-kegiatan kumpulan ini tidak memberi apa-apa kesan terhadap pelaburan dalam negara Malaysia. Ini memandangkan pelabur-pelabur yang datang dari luar negeri adalah lebih matang daripada kumpulan-kumpulan tersebut dan tidak mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disebarkan oleh mereka.

PELABUHAN KELANG/PULAU PINANG - MENSWASTAKAN

4. **Dr. Tan Choong Keng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian Pengangkutan membuat rancangan untuk menswastakan pelabuhan-pelabuhan seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Kuantan;
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memajukan lagi aktiviti-aktiviti perdagangan di pelabuhan-pelabuhan tersebut; dan
 - (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga keselamatan orang ramai yang menggunakan kemudahan pelabuhan secara am.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti

Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelabuhan telah dikenalpasti oleh Kerajaan sebagai satu organisasi yang boleh diswastakan. Dalam hal ini, kajian menswastakan Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pulau Pinang sedang dijalankan.

- (b) Mengenai langkah-langkah untuk memajukan aktiviti-aktiviti perdagangan di pelabuhan-pelabuhan, beberapa tindakan telah dan sedang diambil termasuk pembesaran pelabuhan khususnya pembinaan dermaga-dermaga baru di setengah-setengah pelabuhan. Di samping pembesaran infrastruktur fizikal, pelabuhan-pelabuhan juga sedang mengambil tindakan menggantikan sebahagian daripada peralatan pelabuhan dengan teknologi baru. Ini dijangka dapat mempertingkatkan 'performance' pelabuhan-pelabuhan.

Pelabuhan-pelabuhan juga berusaha untuk meningkatkan penggunaan pelabuhan masing-masing melalui penyertaan dalam misi perdagangan luar negeri, pertemuan dan perbincangan dengan syarikat-syarikat perkapalan dan usahawan-usahawan tempatan, perlantikan firma antara-bangsa bagi mewakili kepentingan pelabuhan di luar negeri serta dasar pemasaran yang lebih luas dan sistematik.

Perkara penting yang ditumpukan dalam usaha meningkatkan produktiviti pelabuhan ialah dengan menambah kecekapan melalui latihan. Umpamanya, Lembaga Pelabuhan Kelang telah menerima bantuan teknikal dari Bank Dunia bagi tujuan latihan. Di samping itu, sebuah Pusat Pembangunan Latihan di dalam bidang Pengangkutan Laut atau lebih dikenali sebagai "TRAINMAR" telah ditemptkan di Johor Bharu.

Pusat ini berupaya menarik tenaga pengajar dari dalam dan luar negeri untuk memberi khidmat latihan kepada kakitangan pelabuhan. Mengenai dokumentasi pula, pelabuhan-pelabuhan sedang berusaha meningkatkan penyelarasan informasi berkaitan dengan kargo dan perkapalan melalui komputer untuk memudahkan operasi. Penggunaan komputer akan mempercepatkan proses-proses dokumentasi pelabuhan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, satu lagi langkah yang telah diambil ialah penswastan terminal pengendalian kontena di Pelabuhan Kelang. Perkara penswastan ini juga sedang di dalam pertimbangan pelabuhan-pelabuhan lain. Walau bagaimanapun, isu penswastan ini ditimbangkan secara berhati-hati dengan mengkaji serta memilih corak penswastan yang paling berkesan. Dengan menswastakan perkhidmatan pelabuhan adalah diharapkan produktiviti pelabuhan akan bertambah dan taraf pelabuhan dari segi kemudahan, kecekapan dan produktiviti akan dapat ditingkatkan.

- (c) Bagi menjawab soalan berkaitan dengan soalan (c) iaitu apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga keselamatan orangramai yang menggunakan kemudahan pelabuhan, sukalah saya menyatakan bahawa tiap-tiap pelabuhan di Malaysia mempunyai sistem keselamatannya sendiri yang selain dari mengawal lalu lintas di kawasan pelabuhan, juga mengawasi keluar-masuk orang

awam di kawasan operasi pelabuhan. Hanya orang awam dengan urusan rasmi dan mempunyai pas dibenarkan masuk ke kawasan pelabuhan. Bagi pekerja-pekerja pula pelabuhan mempunyai peraturan tersendiri di bawah Kaedah-kaedah Pelabuhan (Keselamatan Pekerja) 1985.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini satu tragedi telah berlaku di Jeti Butterworth yang mengorbankan banyak nyawa yang bernilai. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tahap kemajuan penyiasatan yang dilakukan terhadap tragedi itu dan bagi pihak Kementerian Pengangkutan, apakah dan berapakah pampasan yang akan diberikan ataupun yang sudah diberikan kepada keluarga-keluarga yang terlibat dalam tragedi itu?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tahap penyiasatan itu masih berjalan sehingga sekarang. Saya tidak dapat menyatakan kemajuannya kerana Suruhanjaya Siasatan belum lagi menyelesaikan penyiasatannya.

Mengenai pampasan, sebenarnya belum boleh diberikan sehingga selesai penyiasatan dan ditentukan dari segi undang-undang, berapakah pampasan boleh diberi barulah dapat diputuskan, tetapi saya ingin menyatakan bahawa Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai insurans tanggungan sehingga \$7.5 juta bagi pampasan sekiranya diputuskan mengikut undang-undang.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian berkenaan berdasarkan kepada huraian yang diberikan sekejap tadi, apakah pelabuhan-pelabuhan kita sekarang ini akan menjadi begitu cekap untuk menghadapi perkembangan ekonomi yang pegat negara kita supaya kita dapat

menghindarkan kemungkinan berlaku congestion seperti mana yang berlaku di negeri Thai setelah mereka dapat menarik pelaburan yang begitu besar?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kemampuan untuk menampung kepesatan pembangunan dari segi pengangkutan laut telahpun ditentukan sejak Rancangan Malaysia Keempat di mana \$20 billion telah diperuntukkan bagi memperbesarkan, memperbaiki dan memperlengkapkan pelabuhan-pelabuhan itu. Kalau saya hendak huraikan terlalu panjang. Kalau Ahli Yang Berhormat berminat, bolehlah saya hantarkan secara bertulis.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang akan diswastakan. Saya ingin mendapat tahu apakah syarat-syarat dan kriteria yang diperlukan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kajian sekarang ini ialah Kementerian telahpun menerima laporan terakhir pada awal November lalu. Laporan ini akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Penswastaaan Kementerian. Jadi, belumlah dapat saya menghuraikan selanjutnya syarat-syarat itu.

SENARAI HITAM PENGARAH/SYARIKAT PERUMAHAN

5. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bolehkah Kementerian memberitahun mama dan butir-butir mengenai seramai 83 orang pengarah dan 23 syarikat yang dimasukkan dalam senarai hitam dalam tahun 1987 bulan November untuk kepentingan para pengguna.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertu, memang benar seramai 83 orang Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan 23 syarikat-syarikat pemaju perumahan yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun begitu, tidak adil bagi kita sebuah negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa akur dan menjunjung kedaulatan undang-undang menghukum mereka ini sebelum daripada mereka ini dihukum oleh pihak pengadilan di mahkamah.

Oleh sebab itulah kesemua mereka itu dan syarikat-syarikat itu sedang disiasat dengan teliti untuk mencari butir-butir yang nyata yang menunjukkan mereka telah melakukan kesalahan supaya mereka itu besar kemungkinan akan dibawa ke mahkamah, didakwa di mahkamah di atas kesalahan melanggar Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, saya yakin saudara Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya, kalau saya dapat memecahkan angka-angka ini mengikut negeri-negeri di dalam negara kita ini. Di antara 83 Ahli Lembaga Pengarah dan 23 syarikat-syarikat yang telah disenaraihitamkan itu adalah:

Negeri:	Syarikat	Ahli Lembaga Pengarah:
Johor	4	17 orang
Kuala Lumpur	7	27 "
Terengganu	2	6 "
Melaka	1	9 "
Negeri Sembilan	3	7 "
Perak	3	6 "
Pulau Pinang	3	11 "

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian Yang Berhormat menimbangkan memberikan subsidi untuk membina semula projek perumahan terbengkalai oleh pemaju perumahan yang dimasukkan dalam senarai hitam itu?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal projek terbengkalai satu masalah lain. Namun demikian, sekarang inipun bagi pihak Kementerian Perumahan sedang berusaha mengambil tindakan bagi memulihkan projek-projek yang terbengkalai di seluruh tanahair.

Dato Haji Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sebagaimana yang dijelaskan tadi sebanyak 23 syarikat dan 83 pengarah yang telah disenaraihitamkan, katalah misalnya seseorang itu menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat A dan syarikatnya telah disenaraihitamkan, apakah ia boleh disenaraikan di dalam senarai putih kalau mereka membentuk satu syarikat lain lagi?

Dato' Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bagi pihak pengadilan di mahkamah masih belum menghukumkan sesiapa di antara 83 pengarah itu, barangkali setelah bagi pihak pengadilan menjatuhkan hukuman, kita akan bertindak sejajar dengan apa hukuman yang telah dijatuhkan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa di Melaka cuma sebuah syarikat dan 9 orang Ahli Lembaga Pengarah yang telah disenaraihitamkan dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh membuat penjelasan kepada Dewan yang mulia ini siapakah syarikat-syarikat itu kerana dalam tangan saya ini saya ada mendapat maklumat beberapa projek di Melaka yang terbengkalai yang terlibat ahli-ahli politik, yang terlibat koperasi guru-guru dan pihak swasta.

Apa yang kami simpati ialah mengenai pembeli-pembeli rumah. Ada setengah-setengah yang mengadu bahawa mereka pun telah menunggu sehingga 10-15 tahun tetapi sehingga hari ini rancangan rumah masih terbengkalai dan mereka masih membayar ansuran-ansuran kepada pinjaman Kerajaan dan pinjaman bank. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menamakan siapakah yang disenarai-hitamkan dan macam mana berkenaan dengan lain-lain syarikat yang belum disenarai-hitamkan dan belum diambil tindakan?

Datuk' Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, telahpun saya maklumkan kepada Dewan ini tidak adil bagi kita menghukum seseorang sebelum daripada pihak pengadilan di mahkamah menghukumkannya. Namun demikian, bagi pihak Kerajaan senantiasa bersimpati kepada rakyat yang menghadapi masalah dengan perancangan-perancangan rumah yang terbengkalai. Itulah juga yang telah saya maklumkan kepada pertanyaan tambahan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi bahawa pihak Kementerian senang mengambil tindakan bagaimana untuk memulihkan seberapa daya segala rumah-rumah yang terbengkalai bagi kepentingan rakyat yang sudah terlibat dengan pembelian rumah ini.

TRAGEDI MAKANAN BERACUN DI PERAK

6. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebab-sebab terjadi keracunan yang berlaku di negeri Perak baru-baru ini di mana seramai 14 orang mati. Bagaimanakah tragedi ini boleh berlaku:-

- (a) siapakah yang bertanggungjawab di atas kejadian tragedi ini dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang terlibat;
- (b) di manakah kelemahan dalam peruntukan dan pelaksanaan 'Peraturan Makanan' ('Food Regulations') sehingga menyebabkan boleh berlakunya tragedi tersebut;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mencegah berlakunya tragedi seumpama itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Trajedi keracunan yang berlaku di negeri Perak baru-baru ini adalah berpunca dari dua jenis racun iaita aflatoxin dan asid borik yang telah mencemarkan makanan yang dikenali dengan "Loh See Fun". Hasil siasatan sehingga ini menunjukkan terdapatnya pencemaran bahan mentah yang digunakan untuk membuat "Loh See Fun". Di mana terjadinya pencemaran dan siapa yang bersalah belum dapat ditentukan. Siasatan keatas bahan mentah yang disyaki masih diteruskan. Tindakan sewajarnya akan diambil apabila keputusan analisa makmal diperolehi nanti.

- (b) Peraturan-peraturan Makanan yang sedia ada adalah komprehensif. Kelamahan mungkin terdapat kerana kurangnya pematuhan kepada peraturan-peraturan makanan oleh pengusaha-pengusaha makanan akibat dari sikap kecuaiian atau kurangnya pengetahuan yang mendalam mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam peraturan-peraturan tersebut ataupun mengenai amalan penyediaan makanan yang baik.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada langkah-langkah segera ataupun jangka pendek, pihak Kementerian Kesihatan ada kerjasama dengan Penguasa-penguasa Tempatan untuk terus memastikan bahawa Penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Kod Amali Kebersihan Makanan 1980 adalah dipatuhi.

BANTUAN KEPADA ORANG CACAT

7. **Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan tentang program-program dan rancangan-rancangan besar yang dijalankan untuk orang-orang cacat agar mereka boleh berdikari dan mencari nafkah hidup yang halal. Berapa ramai orang-orang cacat berbakat dalam muzik, yang mencari rezeki di kaki lima dikenalpasti oleh Kementerian yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai program dan rancangan bagi membantu orang cacat agar mereka berdikari dan mencari nafkah hidup yang halal. Di antaranya ialah:-

- (a) Penyediaan skim-skim bantuan kewangan yang mengandungi:-
- (i) Bantuan membeli alat tiruan, otopidik dan kerusi roda;
 - (ii) Bantuan pelancaran untuk menjalankan perusahaan atau perniagaan kecil;

- (iii) Elaun pekarja cacat sebagai insentif bagi menggalakkan orang cacat minat bekerja; dan
 - (iv) Bantuan persekolahan seperti membeli pakaian sekolah, bayaran peperiksaan dan tambang bas.
- (b) Bagi mereka yang memerlukan pemulihan di dalam institusi, Kementerian menyediakan 7 buah institusi bagi memulihkan orang cacat supaya mereka boleh mendapat faedah yang maksimum mengikut kebolehan jasmani, mental, sosial dan ekonomi masing-masing. Institusi-institusi ini mengadakan rawatan perubatan, pemulihan, didikan, latihan vokasional, kaunseling dan penempatan kerja.
- (c) Dalam Rancangan Malaysia Kelima sebuah Pusat Latihan Perindustrian yang berharga \$23.6 juta akan didirikan di Bangi, Selangor Darul Ehsan untuk memberi latihan perindustrian kepada orang-orang cacat.
- (d) Bagi mereka yang telah mendapat latihan vokasional di pusat-pusat pemulihan dan tidak dapat ditempatkan bekerja di luar, sebuah bengkel terlindung juga disediakan di mana mereka diberi pekerjaan seperti jahitan, membuat kerja-kerja dari bahan plastik, dan bengkel ini menerima tempahan-tempahan kerja dari agensi-agensi lain. Kemudahan tempat tinggal dan makan minum disediakan secara percuma. Segala pendapatan dari hasil pekerjaan dibahagikan kepada mereka mengikut jumlah kerja yang disiapkan.

- (e) Mulai tahun 1982, satu rancangan baru yang diberi nama 'Pemulihan Dalam Komuniti telah dilaksanakan di beberapa kawasan di negeri-negeri Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Johor. Rancangan ini menekankan penglibatan lebih aktif ibu bapa, keluarga dan masyarakat tempatan terhadap usaha mencegah dan memulihkan orang-orang cacat khususnya di peringkat kampung, melalui penggunaan sumber tempatan dalam konteks struktur perkhidmatan dan rancangan pembangunan yang sedia ada.
- (f) Untuk menggalakkan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela supaya lebih aktif lagi menjalankan aktivitinya, Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi geran tahunan kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut untuk pelbagai, aktiviti seperti mengadakan pusat-pusat harian, kelas-kelas latihan sosial, pelajaran dan vokasional dan juga bengkel terlindung bagi menempatkan orang-orang cacat bekerja.

Bagi menjawab bahagian yang kedua pertanyaan Yang Berhormat iaitu berapa ramai orang-orang cacat berbakat dalam muzik yang mencari rezeki di kaki lima dikenalpasti oleh Kementerian, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menjalankan kajian dan mendapati ada seramai 42 orang cacat yang sering bermain muzik di beberapa tempat di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan telah mengadakan rancangan khas untuk mereka, seperti memberi latihan bermain muzik secara profesional dengan tujuan supaya mereka ini boleh bermain muzik secara teratur dan mengadakan persembahan di tempat-tempat tertentu di sekitar bandaraya ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan persediaan dan juga rancangan yang disediakan untuk mereka yang cacat yang berbakat dalam musik. Saya ingin membuat pertanyaan sedarkah Kementerian yang berkenaan bahawa seramai 42 orang ini masih lagi mencari rezeki di kaki-kaki lima dengan bermain musik.

Kedua, tidakkah ada satu usaha penyelarasan dibuat supaya mereka ini mendapat tempat untuk bermain, umpamanya katalah di pasar seni, di pekan-pekan minggu ataupun di pekan-pekan bergerak ataupun di pasar malam bergerak. Mungkin kalau ada usaha dibuat untuk menyelaraskan, mereka ini diberi peluang bermain musik ini di setiap pasar bergerak ataupun di pasar malam bergerak dan mereka boleh mendapat bayaran daripada yang berniaga, saya rasa ini satu jalan yang baik kalau diadakan satu usaha penyelesaian.

Untuk pengetahuan, masih mereka itu mencari rezeki yang tidak begitu baik pendapatannya di kaki-kakilima. Kalau Yang Berhormat hendak tahu, satu hari kita boleh pergi bersama-sama iaitu kawasan-nya di Jalan Tuanku Abdul Rahman dekat dengan Wisma Yakin dan tidak jauh daripada Kementerian Yang Berhormat, di Chow Kit Road dan dua tiga tempat lagi di Cheras juga di Kampung Tun Razak, maksudnya di Bandar Tun Razak.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada bahagian satu, iaitu mengenai 42 pemain musik yang terdapat dalam senarai Kementerian, semua pemain musik ini telah diberi latihan bermain musik dan sebenarnya ada satu kumpulan yang sudah pandai dalam bermain musik ini sampai ada banyak penganjur-penganjur majlis

yang menjemput mereka bermain musik dalam majlis tersebut dan mereka diberi upah dan lain-lain.

Untuk bahagian kedua, saya faham dan sedar bahawa di dalam bandaraya Kuala Lumpur ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Chow Kit dan lain-lain memang ada pemain musik itu bermain di kaki-kaki lima dan tempat-tempat membeli belah di Kuala Lumpur ini, Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian saya sudah berbincang dengan Dewan Bandaraya supaya kita dapat menentukan beberapa tempat khas untuk pemain-pemain musik ini di mana mereka boleh meletakkan alat-alat musik dan tidaklah meletakkan alat-alat musik mereka di kaki-kakilima itu. Tetapi dukacita dimaklumkan bahawa pemain musik ini lebih suka pergi ke tempat-tempat di mana ada ramai orang. Kalau tempat itu tidak berapa ramai orang barangkali mereka tidak dapat sumbangan dari orang awam. Oleh sebab itu mereka berhijrah dari tempat-tempat yang kita sudah atur dan meletakkan alat-alat musik di kaki-kakilima. Bagaimanapun kita selalu cuba menggalakkan mereka supaya dapat ditetapkan di dalam satu tempat dan tidak bermain musik di tempat-tempat yang boleh menghalang pergerakan orang ramai.

Puan Mazidah binti haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan saya Yang Berhormat tadi, saya juga mengucapkan tahniah atas usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dari segi kepentingan kebajikan orang-orang cacat ini. Pertanyaan tambahan saya ada dua. Yang pertama, dari jawapan Yang Berhormat sebentar tadi bantuan yang telah diberikan kepada orang-orang cacat ini supaya mewujudkan minat mereka untuk bekerja. Soalan saya ialah adakah juga insentif-insentif yang diberikan ataupun kalau belum sedang dirancang bagi menarik minat pula kepada para majikan untuk

mengambil orang-orang cacat ini sebagai pekerja-pekerja, sebagai contoh, umpamanya pelepasan cukai dan lain-lain kemudahan ataupun insentif.

Pertanyaan tambahan saya yang kedua, ialah mengenai pemain-pemain musik di kalangan orang-orang cacat yang 42 orang bilangannya ini, yang kelihatannya daripada jawapan, tertumpu kepada bandaraya sahaja. Adakah ini bererti tidak ada lagi orang-orang cacat yang pandai bermain musik di bandar-bandar lain kerana selalanya di bandarlah mereka menjalankan kegiatan-kegiatan ini atau kumpulan-kumpulan ini belum lagi dikenalpasti oleh pihak Kementerian?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, buat masa sekarang tidak ada insentif yang kita beri kepada pihak majikan, insentif sebagai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi seperti pelepasan cukai dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kita ada insentif sebagai anugerah yang kita beri kepada majikan tetapi dalam segi langkah inipun kita tidak sentiasa memberi tetapi seperti dalam Bulan Kebajikan iaitu Oktober yang lalu kita ada rancangan seperti itu supaya menggalakkan pihak-pihak majikan terus memberi peluang kepada orang-orang cacat menyertai bekerja di dalam firma-firma atau company berkenaan. Cadangan itu kita akan ambil perhatian kalau dapat, kita akan melaksanakan lain-lain insentif kepada pihak majikan.

Jawapan kedua, pemain musik memang ada di dalam bandar-bandar besar lain tetapi di dalam bandar-bandar yang lain nampaknya masalah ini tidaklah besar dan kita tidak ada menerima aduan dari orang awam di mana pemain-pemain musik ini selalu mengacau di kaki-kaki lima itu.

KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN SEBAGAI UNIVERSITI KOLEJ UIA

8. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah ada cadangan untuk menjadikan KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin) di Terengganu sebagai sebahagian daripada Universiti Kolej UIA (Universiti Islam Antarabangsa).

Tuan. Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk menjadikan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Terengganu sebahagian daripada Universiti Kolej Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ini bermaksud Kerajaan tidak berfikir tentang kemungkinan menjadikan Universiti-universiti Kolej sepertinya untuk menampung keperluan pelajaran tinggi di Malaysia memandangkan Kerajaan sekarang tidak begitu menggalakkan pelajar-pelajar kita ke luar negeri kerana masalah kewangan?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mewujudkan satu universiti atau satu cawangan universiti, Kementerian Pendidikan atau Kerajaan hendak menimbang keperluan untuk mewujudkan satu cawangan atau universiti itu dan ini pun berkaitan dengan perbelanjaan kewangan. Negara kita ini sudah ada 7 buah universiti dan sudah ada beberapa cawangan-cawangan dan belum sampaikan langkah kita dapat keperluan atau keizinan dari segi kewangan untuk mewujudkan lagi satu cawangan.

HOSPITAL KERAJAAN - PENSWASTAAN

9. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk menswastakan hospital-hospital di seluruh negara. Kalau benar, berikan rasional di sebalik cadangan itu dan langkah-langkah yang telah diambil ke arah penswastaan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian. Kesihatan memang menyokong sepenuhnya dasar penswastaan Kerajaan dan usaha sedang giat dilakukan untuk mengenalpasti bidang-bidang yang boleh diswastakan. Setakat ini beberapa bidang dan perkhidmatan telahpun diswastakan umpamanya perkhidmatan dobi di setengah hospital, pembekalan makanan mentah, penggunaan helikopter untuk perkhidmatan rawatan di kawasan pedalaman yang terpencil di Sabah dan Sarawak dan sebagainya. Juga, Kementerian telah melaksanakan penswastaan kemudahan-kemudahan tertentu di beberapa buah hospital daerah untuk digunakan oleh pengamal persendirian.

Walau bagaimaapun, pada masa ini Kementerian tidak berhasrat untuk menswastakan keseluruhan hospital-hospital Kerajaan.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan apa-apa rancangan untuk membaiki dan menaikkan taraf group hospital di estet-estet yang makin lama makin merosot kemudahan perubatannya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jauh sedikit dari soalan asal, tetapi Kementerian Kesihatan memang mempunyai rancangan dan sedang melaksanakan satu proses untuk mendaftarkan hospital-hospital di estet-estet yang diwujudkan oleh pengurusan-pengurusan estet dan selepas pendaftaran hospital-hospital ini pengawasan yang lebih ketat dan kemajuan yang lebih baik saya harap dapat dibawa untuk hospital-hospital di estet-estet ini, termasuk group hospital di estet-estet.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang sebagai satu langkah penswastaaan juga membenarkan doktor-doktor swasta bekerja atau bertugas di hospital-hospital Kerajaan untuk tempoh masa tertentu, umpamanya 4 jam seminggu dan sebagainya. Bukankah langkah ini akan membantu mengatasi masalah kekurangan doktor?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu memang baik daa di Kementerian kita telah memikirkannya dan pada masa ini kita sedang mendapat faedah daripada usaha lebih kurang 17 orang pakar Anaesthetist dari sektor swasta yang sedang bertugas di hospital-hospital Kerajaan di beberapa negeri untuk membantu kita dalam proses pembedahan dan sebagainya. Mereka digunakan di hospital-hospital dengan practice sessional atau mereka datang untuk beberapa jam sehari dan bukan sahaja mereka membantu dalam pembedahan tetapi mereka juga membantu dalam latihan doktor-doktor mudah dalam bidang ahaesthetic dan sebagainya. Malangnya dalam sektor-sektor yang lain kita belum dapat mempraktikkan cadangan ini tetapi beberapa percubaan yang dijalankan untuk membolehkan doktor-doktor biasa atau 'general practitioners' di beberapa daerah untuk menggalakkan mereka bekerja di hospital Kerajaan ataupun menggunakan kemudahan-kemudahan katil pembedahan dan sebagainya di hospital-hospital Kerajaan tidak dapat sambutan yang begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, Kementerian masih mempunyai sikap terbuka kepada pengamalan seperti itu sebagai satu pengamalan yang baik yang membawa persefahaman juga yang baik di daerah-daerah.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebentar tadi beliau telah mengatakan pihak Kerajaan tidak bercadang menswastakan sepenuhnya hospital-hospital ini. Jadi apakah gamaknya yang merupakan sebab-sebab utama mengapa ini tidak dapat dilakukan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hospital-hospital Kerajaan ini menjadi tumpuan kepada orang-orang biasa, kebanyakan orang-orang miskin. Yang lebih mewah dapat pergi ke hospital-hospital swasta di mana mereka terpaksa membayar pembayaran yang lebih sedikit. Lebih kurang 80% katil di hospital-hospital Kerajaan adalah katil kelas 3 dan jika diswastakan hospital-hospital ini dan mengenakan pembayaran-pembayaran, mungkin lebih daripada apa yang dibayar sekarang, mungkin ini akan menyusahkan orang ramai. Cadangan langkah itu sahaja saya rasa akan menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai dan akan mengelak orang miskin daripada datang ke hospital bila mereka sakit.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kementerian telah menswastakan beberapa Jabatan dalam Kementerian Kesihatan, Macam mana Kementerian Kesihatan memastikan penswastakan itu akan mencapai matlamat Kerajaan supaya dielakkan daripada penyelewengan selepas penswastakan, khususnya penswastakan pembekalan makanan kerana kita tidak mahu mengikut pengalaman kita apabila penswastakan sesuatu projek itu berlaku penyelewengan sehingga merugikan orang ramai.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mewujudkan pengawasan, kontrol dan sebagainya di atas perkhidmatan yang diswastakan itu dan dengan beberapa langkah 'administrative' dan sebagainya kita dapat membaiki keadaan yang tidak memuaskan.

DASAR EKONOMI BARU - PELAKSANAAN

10. **Tuan Chan Choong Tak** minta Perdana Menteri memberikan butir-butir dan faktor-faktor dan angka-angka untuk menjelaskan setakat mana berjaya atau gagalanya Dasar Ekonomi Baru atas rancangan:-

- (a) mengatur semula masyarakat; dan
- (b) membasmi kemiskinan tidak kira kaum dan bangsa.

9.12.88

20. **Tuan Chan Choong Tak** minta Perdana Menteri memberi penjelasan dan:

- (i) senaraikan kelemahan-kelemahan sekiranya ada,
 - (a) atas Dasar Ekonomi Baru;
 - (b) pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru; dan
- (ii) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kelemahan sebegini, sekiranya ada.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dibentangkan pada 9.12.88 oleh Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa DEB akan berakhir pada 1990 akhir, oleh yang demikian sekarang ini di peringkat agensi-agensi Kerajaan sedang giat mengkaji dan menyemak DEB ini, sungguhpun begitu diperlukan banyak waktu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan ini, bolehlah Ahli Yang Berhormat merujuk kepada dokumen-dokumen perancangan Kerajaan, khususnya dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima. Secara ringkasnya, saya suka membentangkan untuk pengetahuan Yang Berhormat dari segi kemiskinan. Kadar kemiskinan secara keseluruhannya telah dapat dikurangkan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 17% pada tahun 1987. Tingkat perbezaan pendapatan kawasan bandar dan luar bandar telah bertambah baik dengan peratus pendapatan purata isi rumah luar bandar daripada bandar meningkat dari 47% pada tahun 1970 menjadi 58% pada tahun 1987. Perbezaan pendapatan antara kaum yang telah bertambah baik. Dari segi kaum, pada tahun 1970, pendapatan Bumiputera merupakan kira-kira 43 peratus dari pendapatan peratus bukan Bumiputera, tetapi pada tahun 1987 telah meningkat kepada 60 peratus.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, pemilikan bumiputera di dalam sektor syarikat yang mencapai kira-kira 19% pada tahun 1988 berbanding dengan kira-kira 56% untuk rakyat Malaysia yang lain. Bahagian Bumiputera di dalam pekerjaan iktisas telah meningkat kepada 23 peratus di dalam tempoh yang sama. Manakala bahagian bukan Bumiputera ialah 60% bagi kaum Cina, 14% bagi kaum India dan 3% bagi kaum lain-lain. Di samping itu kaum bumiputera telah banyak menyertai berbagai bidang ekonomi moden jika dibandingkan dengan kedudukan pada tahun 1970. Sungguhpun tahap pencapaian mereka masih jauh daripada rakan bukan bumiputera.

Berdasarkan matlamat ini nyatalah bahawa kedua-dua serampang DEB telah mencapai satu tahap kejayaan yang menggalakan, walaupun

ianya masih jauh dari hasrat sebenar yang diharapkan. Kerajaan sedar dalam proses pelaksanaan DEB, terdapat beberapa tohmahan berkenaan kelemahan dan masalah. Setengah-setengah tohmahan ini tidak mempunyai bukti yang jelas. Walau bagaimana segala kelemahan-kelemahan dan masalah ini akan dikaji oleh Kerajaan dalam usaha menyemak prestasi DEB secara lebih komprehensif dan penggubalan dasar baru selepas 1990.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat membincangkan rangka atau frame work dasar-dasar ekonomi baru untuk tempoh masa selepas 1990 dengan Kabinet ataupun di peringkat Menteri-menteri dari parti komponen Kerajaan. Kalau tidak, adakah dicadangkan berbuat demikian secepat mungkin untuk mengelakkan salah-faham ataupun pertikaian yang berlaku sekarang.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita seluruh rakyat harus berbangga bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja dikenali di dalam negara ini atau sejagat di bahagian sebelah sini bahkan telah dikenal oleh masyarakat dunia bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah seorang pemimpin penentang kemiskinan lebih-lebih lagi apakala Yang Amat Berhormat sendiri telah menyampaikan ucapannya di dalam Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua jangan lupa sebagai masyarakat Malaysia yang bermasyarakat majmuk, bahawa soal kemiskinan, khususnya perbezaan pendapatan di antara kaum-kaum yang barada di dalam negara ini ianya boleh menjadi satu faktor yang boleh

menggugat kedudukan kestabilan negara, dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, boleh menggugat keadaan keharmonian dan keamanan di negara ini. Oleh yang demikian, walau mungkin setelah kajian dibuat selepas selesainya Dasar Ekonomi Baru pada akhir tahun 1990, selagi kemiskinan ini masih berada dan menjajah masyarakat di Malaysia ini selama itu menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja di antara pemimpin dengan pemimpin yang berada dalam negara ini tetapi juga hendaklah diberi sokongan oleh semua peringkat rakyat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hiagga 45 adalah

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji

Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 8.00 malam ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berbunyi bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 8.00 malam ini untuk disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun Peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 8.00 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb Disember, 1988),

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif menyambung ucapan beliau semalam. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tekanan untuk membela nasib rakyat di luar bandar yang masih tinggal kebelakang dari segi pembangunan, kemudahan-kemudahan asas dan juga ekonomi adalah dialu-alukan oleh semua lapisan masyarakat. Perbekalan 1989 ini juga dapat kita membayangkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara dalam tahun 1989 dan tahun-tahun akan datang akan bertambah baik dan dengan kesungguhan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara, maka awan yang gelap beberapa tahun kebelakangan ini telah mula menampak sinar harapan kemakmuran negara di masa kini dan di masa akan datang adalah cerah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian segenap lapisan rakyat sama ada di luar bandar atau di dalam bandar haruslah bekerja lebih keras dan berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan produktiviti

masing-masing supaya sinar harapan itu benar-benar bersinar dan sikap bergantung harapan semata-mata kepada Kerajaan untuk memperbaiki ekonomi individu mestilah dikikis habis-habisan. Bak kata pepatah, tidak ada yang pipeh datang melayang dan tidak ada yang bulat datang menggolek. Kalau tidak dipecahkan ruyung, di mana dapat sagunya. Kalau kita tinggal di kampung, konsep hidup di kampung mestilah ditarapkan. Kalau tinggal di bandar, konsep hidup di bandar mestilah diisi dan kalau berpondok, konsep berpondok mestilah disemaikan. Barulah hidup di kampung, di bandar dan hidup di pondok benar-benar bermakna dan mendapat kejayaan dan memberi faedah kepada kita semua.

Tidak akan mendatangkan keuntungan dan faedah tinggal di kampung jika tidak mengisi konsep hidup di kampung dan begitulah seterusnya. Apa juga rancangan dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat sama ada di luar bandar atau di dalam bandar tidak akan tercapai jika sekiranya rakyat tidak menerima dan melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan produktiviti masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1989 ini, izinkan saya menyentuh beberapa perkara. Saya menyokong penuh usaha Kerajaan untuk memulih dan mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, saya berharap dalam masa Kerajaan melaksanakan dan meningkatkan ekonomi negara, Kerajaan hendaklah meneliti lebih mendalam sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru itu telah tercapai atau tidak akan tercapai pada waktu atau masa yang ditetapkan itu. Saya mengesyorkan apabila Kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan ekonomi negara hendaklah berasaskan Dasar Ekonomi Baru.

Hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan program penswastaaan dengan tujuan mengurangkan kos pengurusan dan menjimatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan serta meningkatkan produktiviti di samping itu dapat pula menambah peluang-peluang pekerjaan adalah amat baik dan harus mendapat sokongan. Tetapi dalam melaksanakan program penswastaaan ini, Kerajaan juga hendaklah berpandukan Dasar Ekonomi Baru dan keutamaan penswastaaan ini hendaklah diberikan kepada rakyat negara ini yang mempunyai pengalaman dan kebolehan kerana kita tidak mahu mendengar sungutan daripada rakyat bahawa program penswastaaan ini akan menguntungkan syarikat asing atau orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembangunan luar bandar, sejumlah \$5,117 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan luar bandar dan membasmi kemiskinan sebanyak \$1,527 juta, Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana sedar dan mengambil perhatian yang berat tentang kemunduran pembangunan dan kemiskinan yang masih ketara di luar bandar. Sungguhpun telah banyak projek-projek pembangunan telah disediakan oleh Kerajaan semenjak negara kita mencapai kemerdekaan tetapi masih banyak lagi kampung-kampung terutama sekali di kawasan pendalaman, masih tidak dapat menikmati rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Saya difahamkan peruntukan pembangunan yang diagih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan kepada bilangan penduduk. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan pembangunan yang akan diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah berdasarkan keluasan sesuatu negeri itu dan tidak atas dasar bilangan penduduk sesebuah negeri dan diambil kira juga sejauh mana kemajuan pembangunan sesuatu negeri itu telah tercapai selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya pembahagian diberi berdasarkan bilangan penduduk, maka negeri yang ramai penduduknya akan mendapat peruntukan yang lebih besar walaupun negeri tersebut kecil atau negeri itu telah maju dari segi pembangunannya tetapi negeri yang besar dan kurang bilangan penduduknya seperti di Pantai Timur mendapat peruntukan yang kecil dan hasil daripada pemberian peruntukan mengikut bilangan penduduk ini, maka kedatangan ada negeri-negeri terlalu maju dalam pembangunan dan ada negeri yang tidak begitu pesat pembangunannya.

Saya suka mengambil contoh, jika kita berkereta melawat dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang melalui negeri Perak, kita dapati bagaimana keadaan susunan kampung dan rumah-rumah penduduk di tepi jalan. Begitu juga jika kita berkereta dari Kuala Lumpur ke Negeri Sembilan, Melaka dan terus ke Johor. Dari pemandangan ini jelas terbayang kepada kita keadaan pembangunan dan taraf hidup rakyatnya. Sebaliknya, jika kita berkereta dari Kuala Lumpur ke Pahang, Terengganu dan terus ke Kelantan, kita lihat di kiri dan kanan jalan keadaan susunan kampung dan rumah mereka, maka kita dapat membayangkan perbezaan keadaan pembangunan dan taraf hidup rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika melalui kampung-kampung di tepi sungai, terutama sekali di Sungai Pahang pula dari Hulu Tembeling sampai ke Kuala Pahang kita akan dapati masih ada kampung-kampung yang tidak mendapat jalan, api dan air dan kita dapati masih ada rumah-rumah orang kampung yang beratapkan daun dan berdingkan kulit dan tangga kayu bulat diikat dengan rotan dan saya yakin di Terengganu dan Kelantan juga serupa dengan negeri Pahang dan kita masih dapati di tepi-tepi sungai di negeri Pahang masih ada bumiputera yang tinggal di rakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar lebih arif sejauh mana pencapaian pembangunan luar bandar di negeri-negeri Pantai Timur, khasnya di Pahang. Saya ingat semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar di zaman Allahyarham Tun Razak dahulu telah menjelajah ke seluruh ceruk rantau di kawasan pendalaman dan pernah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam satu perjumpaan dengan Ahli-ahli Barisan Nasional di Kuantan baru-baru ini mengakui bahawa

ada orang-orang Pahang di pendalaman yang tidak kenal bagaimana rupa sesebuah kereta. Jawapan ini diberi apabila salah seorang ahli MCA meminta dinaikkan lagi taraf pembangunan di kawasan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, untuk mengimbangkan pembangunan di luar bandar di antara negeri-negeri, pengagihan peruntukan pembangunan hendaklah berasaskan keluasan sesebuah negeri dan maju mundurnya pembangunan di sesebuah negeri itu dan tidak berasaskan bilangan penduduk supaya ianya dapat dilihat pembangunan luar bandar seimbang di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan untuk meningkatkan projek-projek pembangunan luar bandar adalah disanjung tinggi dan setiap lapisan rakyat, tetapi pada hemat saya kalau setakat mengadakan bekalan air dan api, jalan raya dan juga lain-lain kemudahan asas, hasrat Kerajaan itu tidak akan sampai kepada matlamat untuk membasmi kemiskinan di luar bandar. Walaupun kita menerima pada hakikatnya bahawa untuk memajukan masyarakat luar bandar, kemudahan asas seperti jalan raya, api, air dan lain-lain adalah mustahak. Tetapi pada hemat saya di samping menyediakan kemudahan asas, penyusunan semula masyarakat di luar bandar perlu diambil tindakan segera dan serius oleh Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Dalam hubungan ini saya ingin menyatakan berhubung konsep menyusun semula kampung tradisional. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap ingatan saya bahawa rancangan yang dinamakan Rancangan Kampung Tersusun di kampung tradisional ini telah dirancang 3-4 tahun yang lepas, tetapi sehingga sekarang pencapaian kemajuannya adalah tidak memuaskan dan boleh dikatakan tidak bergerak langsung. Saya sedar bahawa tugas menjayakan Rancangan Kampung Tersusun ini sebahagian besar daripadanya adalah tugas Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Pusat harus sedar kemampuan setengah-setengah Kerajaan Negeri dari segi kewangannya untuk menjayakan rancangan ini.

Oleh sebab itu, saya meminta dengan jasa baik Kerajaan Pusat dapat membantu Kerajaan Negeri menjayakan rancangan kampung tersusun ini dengan ertikata sebenarnya, kerana kebanyakan kedudukan atau lokasi kampung tradisional ini, adalah letaknya di dalam Wilayah Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah seperti di Jengka, DARA dan lain-lain lagi. Dengan sebab itu adalah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk menjayakannya. Di samping menyusun semula kampung tradisional ini, saya juga berharap pihak Kerajaan dapat menghidupkan semula rancangan membandarkan kampung.

Saya percaya dengan terlaksananya kampung tersusun dan membandarkan kampung, sedikit sebanyak dapat menyekat belia-belia kampung berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan, kerana dengan wujudnya kampung tersusun di bandar, mereka tidak berasa jemu melihat keadaan kampung mereka dan mudahlah pula untuk mereka bertani dan berniaga, yang boleh mendapat pendapatan yang agak lumayan, setidak-tidaknya mereka akan mendapat pendapatan di bawah paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Pendidikan, saya juga ingin menyatakan bahawa masalah kekurangan tempat bagi pemohon-pemohon memasuki ke universiti dalam negara merupakan masalah yang semakin meningkat setiap tahun. Saya percaya masalah ini adalah sangat disedari oleh pihak Kerajaan. Setiap tahun bilangan pemohon masuk ke universiti yang ditolak permohonan mereka adalah meningkat.

Pada umumnya setiap tahun lulusan STPM yang masuk layak ke universiti tempatan adalah pada hitung panjang 30,000 orang, tetapi

pengambilan pula tidak sampai 10,000 orang. Ini bermakna pada setiap tahun jumlah yang gagal mendapat tempat purata adalah 20,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekiranya kita mengambil perangkaan semenjak 10 tahun ke belakangan, maka jumlah yang layak menduduki bangku pengajian di peringkat universiti di negara ini, tetapi tidak mendapat tempat adalah menjangkau 200,000 orang atau lebih. Walaupun saya sedia maklum sebahagian daripada pemohon pada beberapa tahun itu adalah terdiri daripada pemohon atau individu yang sama, akan tetapi perangkaan daripada permohonan yang sama ini akan dapat dikaunter oleh bilangan atau individu yang tidak memohon masuk. Walaupun mereka mempunyai kelayakan belajar di universiti, disebabkan telah terlebih awal lagi berputus asa atau kecewa atau yakin bahawa permohonan mereka untuk masuk ke universiti akan ditolak. Di samping itu ada pula sebilangan daripada mereka ini sudah terlebih dahulu mendapat pekerjaan dan juga mereka yang memikirkan tidak mungkin belajar disebabkan oleh ketiadaan punca kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan calon pelajar ke universiti yang begini ramai keciwa, ianya turut menghampakan ibu bapa disebabkan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah terbukti menjadi satu saluran bagi mobiliti sosial di negara ini. Di samping itu bidang pendidikan tinggi sebagai pengaliran tenaga mahir dan intelektual bagi sektor gunatenaga di dalam mengisi keperluan pembangunan negara, maka kegagalan pelajar-pelajar dan mereka yang berkelayakan memasuki universiti bukan sahaja membawa gambaran yang

sia-sia kepada sistem pendidikan negara, bukan sahaja menggambarkan sistem pendidikan yang akan disifatkan sebagai melepaskan batuk di tangga oleh setengah pihak, tetapi ianya akan merugikan Kerajaan sendiri. Apabila gunatenaga yang berpotensi ini tidak dapat disempurnakan atau tidak, kita beri the finishing touch sehingga ke peringkat yang sehabis tinggi di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kita sendiri. Sekiranya setiap tahun kira-kira 20,000 tenaga muda dan mempunyai potensi intelektual terbengkalai di tengah jalan, kemudian pada tahun berikutnya kita ditunggu pula oleh jumlah yang sama dan usaha kita hanya menyahut sebilangan kecil sahaja mendapat peluang disempurnakan keilmuan mereka, maka bebannya akan ditanggung oleh negara. Sehubungan dengan masalah tempat untuk setiap individu yang berkecenderungan ke universiti ini akan menjadi satu masalah negara yang kelak menjadi boomerang kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan bukan sahaja menghadapi masalah memberi tempat kepada semua pemohon yang berkecenderungan belajar di uninversiti tempatan, tetapi masalah datang daripada kesulitan menghantar pelajar ke luar negeri akibat daripada tanggungan perbelanjaan yang tinggi.

Rancangan menghantar pelajar ke seberang laut yang sangat rancak dijalankan kira-kira satu dekad yang lalu, kini mulai mengendur disebabkan kos yang tinggi dan bilangan pelajar dan pemohon yang ramai. Memang betul permohonan ke seberang laut ini juga datang daripada mereka yang membuat permohonan ke universiti dalam negeri, tetapi bilangan ini akan dikaunter sekali lagi oleh bilangan yang

sedang dalam tahun menanti untuk memohon ke seberang laut setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan latarbelakang ini, maka saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Pendidikan, supaya langkah-langkah baru yang lebih tepat dan realistik di dalam memberi tempat kepada setiap individu yang berkelayakan belajar di universiti benar-benar mendapat tempat, sehingga tidak ada seorang pun yang terlepas daripada peluang belajar di universisti ini, jika mereka mahu berbuat demikian. Sekiranya Kerajaan merasa terlalu berat mewujudkan universiti ke-8, universiti ke-9, malah universiti ke-10, universiti ke-11 atau universiti ke-12 disebabkan perbelanjaan yang tinggi atau Kerajaan juga merasakan tidak lagi mampu membesarkan universiti yang ada sekarang ini, kerana masalah yang sama, tetapi semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dengan jelas dan tegas mahukan setiap rakyat berpeluang mendapat ilmu pelajaran sehingga ke peringkat yang sehabis tinggi, tidak akan tercapai matlamatnya. Dalam hubungan ini saya percaya masih banyak ikhtiar dan cara bagi kita mengatasi masalah kekurangan tempat belajar di peringkat pengajian tinggi di negara ini. Di samping itu juga janganlah sekali-kali kita mengemukakan alasan atau hujah mengaitkan ketidakupayaan Kerajaan menambah bilangan universiti buat masa ini dengan sebab masalah penempatan dan penyediaan peluang pekerjaan pada para siswazah.

Pada himat saya usaha memberi pelajaran sehingga ke peringkat sehabis tinggi tidak harus dikaitkan dengan kebimbangan Kerajaan

terhadap bidang penyediaan pekerjaan, memberi pelajaran dan ilmu adalah satu tanggungjawab yang tersendiri dan tidak ada kena-mengena secara langsung dengan tanggungjawab Kerajaan terhadap menyediakan pekerjaan.

Saya percaya sekiranya setiap orang yang berilmu benar-benar mengamalkan ilmuannya, mengeksploitasikan secara kreatif keilmuannya, sebagai alat yang profesional atau sekiranya ilmu yang mereka perolehi di Pusat Pengajian Tinggi itu benar-benar relevant dan praktikal, maka keilmuan mereka akan menjadi jaminan yang paling Cepat kepada bidang pekerjaan yang akan mereka usaha dan cebur sendiri secara professional dan berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan masalah serta latar belakang iklim pendidikan di pusat pengajian tinggi negara kita hari ini khususnya di dalam masalah menyediakan tempat belajar untuk semua calon yang berkeelayakan maka saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan cadangan kepada Kerajaan supaya mengambil usaha bagi menubuhkan universiti terbuka sama ada dijalankan oleh Kerajaan sendiri atau dengan membenarkan pihak swasta menjayakannya. Pada hemat saya penubuhan universiti terbuka adalah salah satu cara atau ikhtiar kita mengatasi masalah kekurangan tempat belajar peringkat pengajian tinggi di dalam negara ini.

Sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa konsep universiti terbuka telah dijalankan di banyak negara di dunia. Salah sebuah universiti terbuka ini yang dapat dijadikan contoh atau model bagi negara kita ialah Universiti Rangam Kheng di Bangkok, Thailand. Saya telah difahamkan universiti tersebut merupakan universiti terbuka yang paling besar di dunia dengan keupayaan menampung 400,000 orang pelajar di atas kawasan hanya 200,000 ekar yang belum pun dibangunkan sepenuhnya. Seluruh kos perbelanjaan universiti tersebut telah mampu ditampung dan diuruskan oleh universiti tersebut dengan perhatian dan sokongan daripada pihak Kerajaan secara berkala. Tahun ini universiti tersebut akan genap usianya ke 17 tahun dan tetap merupakan salah sebuah universiti terpenting di Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Rangkam Kheng yang saya kemukakan sebagai model untuk diberi perhatian oleh Kerajaan mempunyai saluran atau punca kewangan melalui pembayaran yuran pendaftaran masuk sebanyak kira-kira \$10 wang Malaysia yang bermakna mereka dapat mengutip sejumlah \$4 juta setahun. Selain dari itu setiap mata pelajaran dikenakan bayaran sebanyak lebih kurang \$6 wang Malaysia bagi satu semester. Pada umumnya universiti berkenaan telah dapat mengutip kira-kira \$30 juta setahun. Selain kedua punca kewangan tersebut universiti itu juga dimaklumkan menerbitkan setiap buku bagi matapelajaran yang diajar dengan membuat kira-kira 30% keuntungan. Setiap pelajar sudah tentu membeli nota-nota kuliah dan buku teks yang diterbitkan oleh universiti kerana ia lebih relevant dengan pengajian mereka.

Adalah dianggarkan pada setiap semester bagi 6 matapelajaran atau kursus yang dikenakan bagi seseorang pelajar, pihak universiti menambah pendapatan melalui kegiatan penerbitan nota, kuliah dan teks ini hampir menyamai pendapatan melalui yuran mata pelajaran, dengan pendapatan kira-kira \$70 juta universiti ini sudah mampu mentadbirkan universiti mereka membayar gaji tenaga pengajar, membina dewan kuliah tambahan, kompleks sukan, teater, perpustakaan serta lain-lain kemudahan asas tambahan universiti.

Saya difahamkan juga konsep universiti terbuka di Bangkok ini tidak mempunyai kemudahan asrama atau kolej tempat tinggal pelajar. Ini bagi menjimatkan kos pembinaan dan juga bagi memurahkan lagi kos pengajian para pelajarnya. Kebanyakan pelajar adalah dari luar

kota yang sepanjang tahun pengajian tinggal di luar kampus dengan cara yang lebih menjimatkan. Salah satu keistimewaan universiti terbuka seumpama itu ialah membenarkan pelajar tidak menghadiri kuliah sepanjang sesi pengajian mereka dan mereka tetap dibenarkan mengambil peperiksaan. Bagi pelajar-pelajar yang benar-benar inginkan kelulusan mereka akan bertungkus lumus belajar dan memenuhi tanggungjawab sebagai pelajar. Pihak universiti pula dengan tidak melakukan sifat berat sebelah terhadap pelajar yang tidak menghadiri kuliah memberi perhatian utama kepada kebolehan dan kemampuan pelajaran para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam erti kata lain yang diutamakan ialah mutu pelajaran yang ditunjukkan oleh penuntut di dalam peperiksaan bagi menjamin nilai akademik dan bukan pertimbangan terhadap rajin atau malas seseorang pelajar itu menghadiri kuliahnya. Dengan pertimbangan ini selama 17 tahun Universiti Rangam Kheng dibina, mutu akademiknya terus terjamin dan menyamai taraf akademik universiti lain di negara Thailand yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Memandangkan sebuah moden yang dapat dicontohi oleh negara kita begitu hampir, maka saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan akan membuat kajian yang lebih rapi terhadap universiti terbuka itu sehingga ianya dapat membantu penubuhan universiti terbuka di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penubuhan universiti terbuka di negara ini, bukan sahaja menguntungkan dan membantu Kerajaan bagi menyelesaikan masalah penempatan pelajar di pusat

pengajian tinggi tetapi ianya juga akan membantu Kerajaan memecahkan sikap bergantung rakyat kepada Kerajaan khususnya dalam membiayai pelajaran anak-anak di universiti, Umum mengetahui sebahagian besar anak-anak kita belajar di universiti dengan bergantung kepada pembiayaan dan pemberian biasiswa daripada Kerajaan. Dengan universiti terbuka konsep memberi biasiswa sudah dapat dihapuskan kerana pihak ibubapa akan membiayai sendiri pembelajaran anak-anak mereka. Apa yang penting ditegaskan di sini ialah kos pembelajaran itu adalah semurah-murah yang mungkin bagi membolehkan setiap rakyat benar-benar berpeluang belajar di peringkat universiti.

Saya percaya akan timbul soalan dari banyak pihak sekiranya kita membina universiti terbuka ini ke manakah kelak akan kita hadapkan para graduan yang bertambah ramai itu? Sebahagian daripada pertanyaan ini menjurus kepada kebimbangan kita kepada soal sosial, budaya dan konsep moral yang akan timbul berikutan sistem bebas dan terbuka universiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian pula akan menentang penubuhan universiti terbuka dengan alasan ianya bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Semua kebimbangan ini pada hemat saya adalah tidak rasional, memandangkan tanggungjawab memberi ilmu sama sekali tidak terikat dengan tanggungjawab memberi pekerjaan. Tambahan pula sebagaimana telah saya katakan awal-awal tadi, setiap ilmu yang dicurahkan pada para pelajar, seharusnya berkongsi ke arah berdikari dan membentuk para pelajar menjadi kreatif dan menggunakan ilmuannya ke arah pekerjaan mahir yang profesional. Sekiranya kursus-kursus

profesional seperti doktor, peguam, kejuruteraan, arkitek, akauntan dirasakan menuntut kos yang tinggi di peringkat pendidikan universiti dan tidak mungkin ditampung oleh sesebuah universiti terbuka tetapi kesemua matapelajaran tersebut sudah pun dijalankan oleh kebanyakan universiti terbuka di dunia termasuklah di universiti yang saya sebutkan tadi.

Masalah kebimbangan kita terhadap, pertentangan arus pendidikan di pusat pengajian universiti terbuka dengan nilai-nilai moral dan menimbulkan konflik sosial budaya maka sukalah saya tegaskan di sini bahawa pada hari inipun konflik sosial budaya berlaku di universiti terbuka yang belum wujud di negara kita ini. Masalah penyalahgunaan najis dadah, jenayah, judi, minum arak, belia berpeleseran semuanya menjadi antipati kepada konflik sosial budaya di negara kita hari ini di kalangan para pelajar universiti dan lebih merbahaya di kalangan mereka yang tidak ke universiti.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya menegaskan bahawa masanya sudah sampai bagi Kerajaan memikirkan secara mendalam dan serius terhadap universiti terbuka ini sebagai jalan keluar mengatasi masalah kekurangan pusat pengajian tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pertanian. Di dalam Dewan yang mulia ini banyak kali Menteri yang berkenaan menjawab apabila ditanya berapakah jumlah harga daging, harga jagung, harga beras, harga ikan yang telah diimport daripada luar negeri ke negara kita dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengisi secukupnya makanan sesuai dengan keperluan negara.

Jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, yang diberikan ialah Kerajaan tidak berhasrat untuk memenuhi makanan seperti jagung, beras, daging, ikan memenuhi keperluan negara secukupnya dan terpaksa mengimport bahan-bahan makanan kerana pengeluaran tempatan tidak mempunyai faedah bandingan disebabkan kos pengeluaran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kenapa Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan bahan makanan secukupnya disebabkan kos pengeluaran lebih tinggi daripada barang yang diimport telah lama kita dengar sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara ini. Kenapa Kerajaan kita, terutama sekali Kementerian Pertanian tidak menjalankan siastan kenapa kos pengeluaran bahan-bahan makanan di negara kita lebih tinggi jika dibandingkan dengan bahan-bahan makanan yang diimport dan mencari jalan supaya ianya lebih rendah dan bermutu, setidak-tidaknya setanding dengan kos pengeluaran dan mutu bahan makanan yang dimport. Kalau kerana harga baja tanaman dan bahan makan ternakan di negara kita terlalu mahal, saya percaya Kerajaan boleh menghadkan harga bahan tersebut supaya pihak pengeluar bahan-bahan tersebut tidak mengaut keuntungan yang lebih besar dari hasil pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, alasan yang diberi oleh Kementerian Pertanian yang menyatakan kos pengeluaran bahan makanan kita tinggi dan terpaksa mengimportnya kerana harganya lebih murah daripada keluaran tempatan, adakah ianya satu alasan bagi melindungi kepentingan pengimport bahan-bahan makanan dalam negara kita? Jika tidak, saya mencadangkan supaya Kerajaan bersungguh mencari jalan

supaya mutu dan kos pengeluaran bahan-bahan makanan kita dapat menandingi mutu dan kos pengeluaran barang yang diimport demi kepentingan seluruh petani dan penternak di negara, dan bukan kepentingan segelintir pengimport kerana kita juga tidak kurang dengan badan-badan penyelidikan yang diwujudkan di dalam negara kita bagi memajukan pertanian dan ternakan supaya petani dan penternak mendapat hasil yang baik, mutunya tinggi dan kos pengeluaran yang rendah. Kita selalu mengatakan bahawa bumi kita ini subur dan lain-lain lagi keistimewaannya, tetapi sektor pertanian kita tidak mendapat kejayaan sebagaimana yang diharapkan jika dibandingkan dengan negara jiran kita iaitu, negeri Thailand, yang iklim dan buminya hampir-hampir sama dengan Malaysia. Mereka telah jauh mencapai kejayaan dalam bidang pertanian dan ternakan jika dibandingkan dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta maaf, dapatkan Yang Berhormat meringkaskan ucapan supaya dapat diberi peluang kepada ahli-ahli lain yang banyak hendak berucap.

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Terima kasih.

Tuan Azumu bin Tak: Untuk penjelasanThailand.

Tuan Yang di-Pertua: Ini penjelasan.

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Saya tidak berapa dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi.

Tuan Azumu bin Tak:sampai ke Thailand, Bangkok dan sebagainya. [Ketawa]

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Saya mendapat laporan yang negara itu lebih maju di bidang pertanian daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hilang punca, Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] bila diganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat sambung ucapan sedikit.

Tuan Abdul Hamid bin Latif: Tuan Yang di-Pertua, adakah badan penyelidikan yang ditubuhkan bagi mempertingkatkan kemajuan dalam bidang pertanian dan ternakan di negara kita ini seperti MARDI dan lain lagi tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian dan ternakan atau tidak menjalankan tugas sebagaimana sepatutnya yang menyebabkan kita tidak dapat menandingi negara lain dalam pertanian dan ternakan sama ada mutu pengeluarannya atau juga kos pengeluaran yang rendah. Jika benar, saya harap Kerajaan dapat membuat penyiasatan dan menyusun semula badan-badan penyelidikan dan dalam memajukan pertanian di negara kita ini supaya mutu pengeluaran dan kos pengeluaran dapat menandingi barang-barang diimport. Sesuai dengan matlamat Kerajaan menubuhkan badan-badan ini derai kepentingan rakyat. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Ng Peng Hay: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay hendak membuat penjelasan?
4.05 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membuat penjelasan dan memohon izin Tuan Yang di-Pertua tentang ucapan saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila, jangan panjang, Yang Berhormat,

Tuan Ng Peng Hay:yang saya lafazkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat dalam balasan ucapan saya baru-baru ini saya dapati bahawa Dewan ini telah begitu hangat.

Bahawa saya tidak berhasrat menyinggung perasaan sama ada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kurang senang hati pada hari ini kerana ada beberapa orang rakan saya dalam Dewan ini, petang semalam saya dapati telah melawat doktor kerana tekanan darah sudah naik selepas ucapan saya.

Yang sebenarnya, kami wakil dari MCA hendak memainkan peranan cheque and balances, dengan izin, dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Dan kemungkinan pilihan perkataan saya lafazkan baru-baru ini kurang sesuai dan tepat, telah mewujudkan salah faham di antara rakan-rakan saya. Akan tetapi, saya tidak sengaja menyinggung perasaan rakan-rakan saya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya bukan hendak mempersoalkan....

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada menjelaskan lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya rasa penjelasan Yang Berhormat itu kalaulah Yang Berhormat bercakap bagi pihak MCA, mungkin rakan-rakan Yang Berhormat yang lain belum bercakap, biarlah kawan-kawan yang lain bercakap....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh saya memberi pandangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini adalah tidak, mewakili ahli-ahli yang lain, tetapi adalah duduk sebagai persendirian atas nama Yang Berhormat sendiri.

Tuan Ng Peng Hay: Minta maaf, saya minta Tuan Yang di-Pertua izinkan saya teruskan penjelasan saya. Saya ingin menyatakan di sini bukan saya hendak mempersoalkan cara pengumpulan data dan statistik DEB oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Akan tetapi, saya mesti mengakui bahawa perselisihan faham telah berlaku mengenai asas-asas dan

definisi yang digunakan dalam perkiraan data dan statistik DEB dan pihak Kerajaan sendiri enggan beritahu bagaimana data-data dan statistik itu diperolehi. Akibatnya perselisihan faham ini telah mewujudkan ketegangan dan perasaan tidak senang hati dan salah tafsiran. Seringkali teguran daripada pihak kami telah menimbulkan reaksi yang hebat dari pihak Kerajaan dan saya menyeru Kerajaan menilai, menyemak semula dan seterusnya mengambil langkah-langkah memperbaiki ketidakseimbangan yang wujud demi kepentingan dan perpaduan negara. Selagi pihak Kerajaan tidak menghuraikan semua data dan statistik DEB, keadaan perselisihan faham akan berlanjutan di mana aspirasi dan hasrat sesuatu komuniti itu akan kelihatan dihalang dan ini menimbulkan perasaan kerugian dan perasaan bahawa hak mereka diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan saya yang mewakili komuniti dalam negara ini pada keseluruhannya sama ada seperti Ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat menyampaikan kepada perhatian Kerajaan jika berlakunya penyelewengan dalam sesuatu pelaksanaan dasar ataupun dasar DEB, keazaman dan kesanggupan Kerajaan untuk memperbaiki apa yang salah demi kebajikan dan kepentingan keseluruhan negara serta bertindak adil terhadap semua adalah tanda sebuah Kerajaan yang 'bersih, cekap dan amanah'. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk menentukan asas data bersama demi menyelesaikan masalah yang wujud berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru secara bermesyuarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga pada hari ini kerana melalui kenyataan akhbar Sin Min Daily News, dengan izin bahawa Kerajaan telah bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa penyediaan dan perundingan untuk meninjau Dasar Ekonomi Kebangsaan selepas 1990.

Saya yakin bahawa jawatankuasa sedemikian dapat menentukan perangkaan sebenar pencapaian ekonomi berbagai komuniti dalam sektor-sektor yang berlainan itu dan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kita yang berfikiran terbuka, liberal dan peka terhadap hasrat semua pihak serta benar-benar mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Saya berharap Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa ini dengan seberapa cepat yang mungkin supaya semua pihak akan dapat menyampaikan hasrat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menegaskan bukan saya bertujuan untuk mewujudkan suasana syak wasangka di antara rakan-rakan saya di Dewan ini dan walau macam manapun saya berharap rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini akan terus berganding bahu bekerjasama untuk masyarakat yang berbilang kaum, semoga negara kita akan terus maju. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Azman Atar bin Othman.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada sahabat saya Tuan Ng Peng Hay. Ada sebahagian ucapannya yang berkata, mohon izin untuk saya mengquote:

"Kerajaan yang mengabui mata rakyat dengan kata-kata manis, manakala di pihak yang lain janji-janji yang indah itu telah dilupakan semasa pelaksanaannya. Setakat manakah kesabaran kita dapat diuji dengan penipuan tersebut."

Tuan Yang di-Pertua, mohon kalau dapat sahabat saya itu menarik balik statement ini kerana jika dikaji statement itu mengatakan "Kerajaan kita sudah menipu". Dan saya hendak ucapkan tahniah kepadanya kerana ucapan penarikan balik, agaknya dia berasa kesal

semalam, tetapi gaya pun akan berasa kesal jikalau statement itu tidak ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay hendak menjawabkah?

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat penjelasan tadi, mungkin ada dua-tiga perkataan yang saya gunakan itu tidak sesuai dan tepat....

Tuan Yang di-Pertua: Adalah ditarik balik.

Tuan Ng Peng Hay: Dan saya sebutkan tadi bahawa bukan dengan secara sengaja yang saya sebutkan....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi ditarik balik.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya minta Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay menjelaskan sama ada dengan penjelasan yang telah dibuat oleh beliau tadi, maka semua perkataan-perkataan yang telah membangkitkan perasaan perkauman itu ditarik balik dan beliau meminta maaf. Dipersilakan Yang Berhormat.

Tuan Ng Peng Hay Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah membuat penjelasan tadi bahawa perkataan-perkataan yang saya gunakan kemungkinan tidak sesuai dan saya telahpun membuat penjelasan bahawa Jawatankuasa telahpun ditubuhkan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini di mana.....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat, menarik balik perkataan-perkataan....

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Saya minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan lain menerima penjelasan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Tetapi hujahnya memberikan penjelasan tadi ialah dia tidak sengaja. Jadi, kalau sudah tidak sengaja dan mengetahui perkataan-perkataan yang diutarakan di dalam ucapannya itu sudah menyinggung perasaan dan dia akan tinggal sebagai rekod, sebagai dokumen untuk sejarah kita yang akan datang dan jika dia ikhlas dengan meminta kita bertimbang rasa menerima penjelasannya, maka di pihak dia juga harus ada timbang rasa supaya perkataan-perkataan yang menimbulkan kekeliruan, kemarahan dan sebagainya itu dimansuhkan daripada rekod rasmi persidangan ini derai masa depan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silakan untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas lagi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi untuk rekod Hansard Dewan yang mulia ini, saya sanggup berbincang dengan pihak Urusetia tentang ada beberapa perkataan yang saya sebutkan tadi yang tidak begitu sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Minta dibatalkan.

Puan Ainon binti Ariffin: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa penjelasan itu sudah cukup terang dan saya minta.....

Puan Ainon binti Ariffin: Sedikit sahaja, minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi.

Puan Ainon binti Ariffin: Begini, Tuan Yang di-Pertua, tadi beliau kata hendak berunding dengan Urusetia. Berunding dengan Urusetia dengan menarik balik berbeza, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau dia berunding dengan Urusetia, boleh jadi perundingan itu bagi kami yang telah tersinggung, yang telah merasakan itu satu perkara yang menimbulkan prasangka, salah faham takkan selesai. Jadi, kalau beliau merasakan perkataan-perkataan itu tidak sesuai, ertinya dia kena cari yang sesuai. Yang sesuai ialah menarik balik perkataan yang menuduh Kerajaan membohongi, tidak bertanggungjawab, diskriminasi, mengabaikan, mendiskriminasikan kaum" ditukar, bahawa merayu perkara-perkara yang demikian itu diselesaikan dalam mesyuarat. Macam, yang beliau jelaskan. Jadi, tarik dahulu perkataan yang lama, barulah boleh masukkan perkataan yang baru, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menarik balik apa ucapan-ucapan yang telah menyinggung perasaan di antara Ahli-ahli Yang Barhormat yang lain itu adalah bukan urusan Setiausaha Dewan. Perkara ini akan saya sendiri menelitinya kelak. [Tepuk] Itu sahaja yang dapat saya buat. Silakan Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

4.16 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othmam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya apabila sampai giliran saya untuk berhahas saya telah diganggu dan ramai yang ingin membuat penjelasan dan saya rasa hari ini adalah merupakan hari ini dalam sejarah di dalam Dewan Negara, Dewan yang tertinggi, Dewan yang mulia di dalam negara kita, yang mana tak pernah berlaku dan pada petang ini berlaku. Tak tahulah saya hendak perkatakan, apalah malangnya diri saya ataupun malang kepada Dewan **ini**, tak dapatlah saya hendak cakapkan terpulanglah kepada masing-masing membuat andaian kerana penjelasan yang ingin diketahui atas ucapan daripada sahabat-sahabat kita. Jadi, nampaknya di masa akan datang, apabila hendak bantai, bila hendak berucap dengan sewenang-wenangnya boleh cakap, lepas kawan sudah marah, boleh minta maaf. Kalau macam ini ganya, siapa pun boleh.

Jadi, apa yang saya ingin tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada kawan-kawan dan sahabat-sahabat yang ada di dalam Dewan **ini**, kita adalah dilantik oleh DMMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peranan kita jauh besanya dengan peranan seorang Ahli Dewan Rakyat. Kalau kita mewakili rakyat di Dewan Rakyat, saya tak marah kalau kaum masing-masing bangkit bercakap memperjuangkan kaumnya sendiri kerana mereka masing-masing ingin mencari pengaruh di kalangan kaumnya, tetapi di Dewan Negara

adalah paling sumbang kepada saya kalau ada di antara kaum-kaum yang cuba memperjuangkan kaum-kaumnya sehingga menggunakan perkataan yang boleh menyinggung perasaan kaum-kaum lain, terutama kaum bumiputera, kaum Melayu yang menjadi asal tumpah darahnya di dalam negara ini.

Saya ingin memberitahu, Tuan Yang di-Pertua orang Melayu sudah tak ada tempat hendak pergi selain daripada negara Malaysia ini, cuma mereka kalau hendak berpindah pun ke alam yang kekal buat selama-lamanya. Kalau kaum lain umpamanya kaum Cina, mereka ada lagi satu negara yang boleh menerima mereka iaitu negara China. Begitu juga kaum India. Tetapi kaum Melayu tak ada negara lain yang boleh menerimanya. Inilah negaranya. Jadi kalau apa juga yang berlaku, biarlah kita bertolak ansur, kalau lebih pun kepada orang Melayu tak menjadi salah kerana kita sudah banyak bertolak ansur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walau macam manapun saya mengharapkan perkara ini tidak akan berlaku lagi di dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Siapa yang merasakan dirinya ingin main politik DAP, baling batu sembunyi tangan ataupun menjadi orang suruhan, ada lebih baik resign sahaja daripada Dewan Negara **ini**. Kalau prinsip saya, kalau saya sudah tidak bersetuju apa juga Rang Undang-undang yang dibentang oleh Kerajaan yang mana saya sepatutnya mengambil bahagian untuk membantu Kerajaan, untuk memberi kata nasihat, untuk memberikan pandangan supaya Rang Undang-undang itu berjalan dengan betul, sempurna untuk faedah seluruh masyarakat di dalam negara ini. Kalau saya rasa sudah tidak bersetuju, saya terpaksa resign, namun saya hendak menentang atau hendak menjadi hero tidak sama sekali.

Walau macam mana pun ada lebih baik juga, terutamanya dengan adanya berlaku peristiwa-peristiwa ini pertamanya menjadikan satu pengajaran dan kesedaran terutamanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang masih bertugas depan dan belakang saya ini. Inilah keadaan kami pemimpin-pemimpin politik untuk hendak menjadikan negara ini sebuah negara aman-damai, hendak menjadikan negara ini supaya tiap-tiap rakyat hidup dalam mendapat segala-galanya dalam keselesaan hidupnya terutamanya daripada pegawai-pegawai orang Melayu. Insaf-lah kita bagaimana caranya kita pemimpin-pemimpin untuk hendak menentukan negara ini sebagai negara yang berdaulat dan meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa tuan yang punya negara ini, sebagai bangsa yang bermaruah dan mempunyai imej yang tinggi.

Jadi, dengan adanya peristiwa ini, saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan juga akan insaf dan sedar dan akan bertanggungjawab dan bekerja dengan seikhlas-ikhlasnya kepada bangsa dan kepada negara dengan sejujur-jujurnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada membahas Rang Undang-undang ini. Sebelum sempat lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin yang telah menyediakan satu Laporan Kewangan Perbekalan 1989 dengan begitu baik dan saya juga memberi ucapan terima kasih kepada seluruh pegawai-pegawai Kerajaan yang melibatkan diri di dalam menyediakan Perbekalan ini.

Saya berpendapat Parbekalan tahun 1989 telah diterima oleh rakyat dengan hati yang terbuka dan mendapat sambutan baik dari kalangan rakyat. Cuma dari melaksanakannya, terserahlah kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang diamanatkan. Kerana kami adalah sebagai pembuat dasar. Tuan-tuan dan puan-puan adalah sebagai pelaksana dasar. Maka pembuat dasar dan pelaksana dasar mesti berjalan sehaluan, mesti boleh tegur-menegur dan boleh menghormati di antara satu sama lain. Kalau ini dapat dilakukan insya Allah negara Malaysia akan menjadi negara contoh dan akan memberikan faedah yang baik kepada seluruh rakyat di mana terdapat pemimpin-pemimpin parti yang memerintah, pembuat dasar dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan dasar dapat bekerjasama dan memberikan segala-galanya keuntungan, faedah kepada masyarakat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh 5 Kementerian sahaja. Sebelum saya menyentuh Kementerian-kementerian ini, saya Ingin berbalik kepada apa yang saya sebut awal-awal tadi. Yang menadi hairan kepada saya di dalam membahas Rang Undang-undang

Perbekalan pada tahun ini, amat ganjil sekali di mana tardapat banyak pertikaian masalah Dasar Ekonomi Baru.

Kalaulah dipandang daripada angka yang sebenar, daripada 18 tahun yang lalu kita telah wujudkan Dasar Ekonomi Baru ini, sehingga sekarang baru 18%, kita capai. Ini pun daripada keseluruhannya bila dicampur baru datang ke angka 18%. Kita hanya minta 30% sahaja bukan kita minta 100%. Sedangkan ini juga menjadi pertikaian dan merasa tidak puas hati daripada kalangan-kalangan yang ingin memberi teguran tetapi yang paling sedih kepada saya teguran pada kali ini amat menyendihkan.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, apabila hari yang pertama Rang Undang-undang ini dibahaskan, dua tiga kawan kita telah pergi jumpa doktor kerana temperaturenya serta merta sudah naik ke 200° dan ada di antaranya talah terus ke rumah sakit tidak sanggup hendak mendengar ucapan di dalam Dewan Negara di mana dianggap sebagai Dewan yang tertinggi, Dewan yang mulia ini.

Dalam memperkatakan Dasar Ekonomi Baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah 30% yang kami tuntutan masih lagi ada yang tidak puas hati, saya mencadangkan supaya kita tukar sahaja, tidak menggunakan perkataan "Dasar Ekonomi Baru, tetapi kita menggunakan "Dasar Sama Rata" di dalam negara ini.

Saya percaya ini mungkin dipersetujui oleh semua kaum, mengikut bilangan kaum di dalam negara kita ini. Kalau orang-orang Melayu ada 52% maknanya 52%lah "Dasar Sama Rata" ini untuk orang Melayu. Tetapi saya tidak fikir akan dipersetujui sedangkan kita minta 30% pun menjadi tentangan. Kalau pun tak juga bersetuju, saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan dapat menubuhkan

satu Mini Parlimen daripada kalangan semua kaum yang difikirkan daripada kalangan orang-orang yang agresif, orang-orang yang tidak boleh kurang bercakap dalam masalah kaum-kaum masing-masing. Kita ambil daripada orang-orang veteran. Kalau daripada orang-orang Melayu saya namakan dua tiga nama, kita ambil Ungku Aziz, Raja Nasron, Raja Nong Chik dan daripada orang Cina saya juga mencadangkan Tan Sri Tan Chee Khoo. Kalau Lim Kit Siang itu perlu dikeluarkan untuk sementara membahaskan di dalam Mini Parlimen ini pun boleh dikeluarkan. Kalau orang India kita keluarkan P. Pato, V. David; biar dia bergasak dia sama **dia**.

Kita sebagai Kerajaan tengok apa pandangan di kalangan orang-orang veteran ini terhadap kaumnya masing-masing bercakap di dalam masalah ekonomi negara ini dan daripada keputusan Mini Parlimen itu, kita jadikan kalau ia bentuk satu dasar yang boleh kita pergunakan dalam negara kita jadikan itu satu dasar. Tidak apa. Orang-orang Melayu boleh beralah. Tidak payah gunakan perkataan "Dasar Ekonomi Baru" ini pun tidak apa, asalkan dengan syarat semua kaum mesti ber-setuju dengan keputusan Mini Parlimen daripada kalangan orang-orang yang saya sebutkan tadi. Orang-orang yang telah begitu lama hidup di dalam negara Malaysia ini dan telah tahu susah payah mahupun di kalangan orang Cinanya, di kalangan orang Indianya dan juga di kalangan orang Melayunya. Kalau selagi tidak dapat kita wujudkan satu-satu dasar, selagi kita juga membolehkan kepada pada tiap-tiap orang boleh bercakap, boleh mempertikaian kerana amalan sistem demokrasi kita ini berluas-luas dan sewenang-wenangnya kepada tiap-tiap orang, selagi itu di dalam bercakap masalah Dasar Ekonomi Baru ini tidak akan habis-habis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberi pandangan kerana dalam Dewan ini ada juga yang bercakap masalah kampung baru. Kalau saya lihat perbezaan kampung baru dengan kampung-kampung Melayu yang jauh di pedalaman amat jauh bezanya. Sekurang-kurangnya kampung baru sudahpun mempunyai segala-gala kemudahan asas dengan api dan airnya. Saya tidak mahu bawa jauh, di kawasan saya sendiri, di dalam kawasan Wilayah Persekutuan, dalam kawasan Gombak sahaja masih lagi rakyat yang belum dapat air. Apatah lagi kalau kawasan pedalaman. Maka itu sebabnya kalau kita hendak bercakap jangan hanya kita menekankan dalam satu perkara sahaja. Kita ambil dari segi sekeliling, dari segi semua pelusuk. Kenapa kita banyak bercakap mempertikaikan mengapa orang Melayu banyak bekerja dalam tentera, dalam polis? Ini menunjukkan bangsa lain tidak minat, orang Melayu sahaja yang minat. Ini tidaklah dianggap bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini telah membohongi kepada bangsa lain. Tetapi kalau kita semak semula ke tempat-tempat lain, di dalam syarikat-syarikat, cuba kita lihat kalau sebuah syarikat yang bukan dipunyai oleh bumiputera, berapa kerat yang ada dari segi pegawai managementnya daripada orang Melayu dan ada terdapat langsung tidak ada daripada orang Melayu. Cuma kalau ada orang-orang Melayu pun hanya daripada kuli-kuli batak itu.

Tuan Yang di-Pertua, maka itu sebabnya saya tidak mahulah dalam masalah Dasar Ekonomi Baru ini diungkit-ungkitkan kerana kitatelah bersama-sama berjanji, di dalam kita menyambut memperjuangkan kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu dan kita telah berjanji memberikan kerakyatan tidak kurang daripada 1 milion kepada bukan orang Melayu

dengan tujuan supaya dapat menyokong bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam negara kita dijadikan Bahasa Malaysia. Dalam pada itupun kalau kita tengok dan lihat ada di antara kawan-kawan kita yang bukan daripada kaum Melayu kadang kala bercakap Melayu, kita sendiri pun tidak faham. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak berapa minat hendak meletakkan Bahasa Melayu itu sebagai Bahasa Kebangsaan. Kalau dia minat dia tentu fasih bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Di samping itu, yang saya paling hairan ialah tokoh-tokoh yang berucap di dalara Dewan Negara ini adalah orang yang baik-baik. Tetapi kebiasaannya mereka ini berucap tidak memakai teks, macam saya ini, tidak pakai teks. Tetapi pada hari membahaskan Rang Undang-undang ini semuanya ada teks ucapan seolah-olah teks ucapan itu telah disediakan. Saya ingin hendak menegaskan di situ, kalau pun hendak marah bukanlah di sini tempatnya tuan-tuan hendak marah. Kerana apa juga dasar yang kita hendak bahaskan ini adalah dibincangkan di dalam Kabinet dahulu dan tiap-tiap kita ada mempunyai wakil. Kalau hendak marah pun, marahlah pemimpin-pemimpin tuan-tuan yang duduk dalam Kabinet itu. Apa kerjanya? Kenapa tidak bangkang dalam Kabinet? Kenapa mesti di sini dikeluarkan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati orang Melayu? Adakah mereka ini tidak mahu menentang dalam Kabinet kerana hendak mengekalkan kedudukan sebagai Menteri? Ini yang menjadi satu tanda tanya kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian kita ini dijadikan sebagai orang suruhan, menjadi jurucakap. Bila sudah lepas kita berucap dan menyakitkan hati lain kaum, minta maaf. Kalau macam itu saya pun boleh buat begitu, lepaskan dan kalau ada yang menegur, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, kita letakkanlah diri kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah sebagai orang penyelesaian masalah, sebagai pendamai, sebagai bapa perpaduan. Maka itu sebablah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong melantik kita-kita semua yang duduk dalam Dewan Negera ini setelah kita ini disiasat oleh pihak polis kita ini benar-benar daripada orang-orang yang waras, golongan orang yang sempurna akal, golongan orang yang mempunyai perasaan belas kasihan dan toleransi, maka itu sebabnya kita berjaya duduk sebagai Ahli Dewan Negara. Maka peranan yang harus kita mainkan adalah jauh sekali dengan seorang Ahli Dewan Rakyat kerana mereka dipilih oleh rakyat. Mereka terpaksa meletakkan dirinya sebagai hero kerana ingin mendapat pengaruh dari kaumnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap selepas Dewan kita ditangguhkan pada 16hb nanti, kita berbaliklah kepada semangat setiakawan dalam Barisan Nasional. Saya ingin hendak memberi ingatan, jangan ada di antara kita yang memikirkan bahawa di kalangan UMNO telah berpecah belah, maka Melayu telah berpecah belah. Tidak sama sekali. Orang Melayu dia akan berpecah belah. Cara pecah belahan orang Melayu tidak ubah macam carik-carik bulu ayam, cincang air tidak akan putus dan janganlah harimau garang yang sedang tidur itu dibangkitkan atau sarang tabuan dijolok. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Sudah menjadi kenyataan kepada negara di mana satu ketika dahulu sebuah parti yang menghadapi krisis yang begitu besar dan kita sanggup merelakan seorang pemimpin Melayu menjadi pendamai, dianggap sebagai acting Pemangku Presiden kepada parti yang bukan parti Melayu. Di situ

menunjukkan orang Melayu cintakan dan sayangkan kedamaian, tidak peduli apa bangsa, apa kaum asalkan dia warganegara Malaysia, tugas orang Melayu untuk menentukan ia mesti bersatupadu. Tetapi apabila sampai ketikanya orang Melayu yang dianggap berpecah belah dalam parti UMNO saya nampak ramai yang bermain politik baling batu sembunyi tangan.

Paling sedih kepada saya ialah apabila keputusan perbahasan usul daripada salah seorang yang mengakui dirinya pejuang kepala UMNO 46, apabila sampai tamat perbahasan usul, semasa hendak mengira undi, terang, jelas seluruh Wakil-wakil Rakyat daripada DAP dengan full-forcenya, dengan izin, memberikan sokongan kepada serpihan-serpihan UMNO yang ingin menghidupkan barang yang sudah mati yang sudah dikuburkan untuk dihidupkan semula. Ini telah ternyata. Kalau sudah DAP kita anggap pengkhianat kepada bangsa Melayu, maka janganlah parti lain cuba hendak mengikut jejak langkah macam DAP.

Saya mintalah kepada kawan-kawan dalam Dewan **ini**, malu kita, pegawai-pegawai Kerajaan inipun tercengang-cengang. Pada hari yang pertama pegawai Kerajaan jumpa, "Apa sudah jadi, Yang Berhormat, tak pernah berlaku dalam Dewan Negara macam ini punya ucapan, masing-masing semuanya bersemangat". Tetapi saya beritahu kepada dia, "Sabar, tak apa, insya Allah saya akan cuba menyelesaikan masalah ini dengan syarat saya bukan menentang, tetapi saya akan menegur". Tetapi alhamdulillah, Tuhan tak mahu memanjangkan krisis ini berlaku berterusan. Tuhan masih sayang kita semua, termasuklah Tuhan masih lagi merestui kita **ini**, masih memupuk semangat Barisan Nasional.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, masing-masing insafilah di dalam keadaan negara ini yang sedang menghadapi krisis di antara boleh dikatakan semua parti ber krisis, tetapi Parti UMNO ada sedikit teruk kali **ini**, tetapi janganlah cuba hendak menanggung udang di air yang keruh, Berbaliklah kita. Kalau orang Melayu, orang Islam, bersyukur kepada Tuhan. Kepada yang bukan Islam, berterima kasih kepada God, Malaysialah sebuah negara yang paling cantik, paling indah, paling segala-galanya, boleh kita puji kerana terdapat ada Menteri Melayu, ada Menteri Cina, ada Menteri India, ada Menteri Kadazan, lagi apa bangsa dalam Parti Barisan Nasional, semua **ada**. Kalaulah kita pergi ke negara lain cubalah kita tengok, kalau di negeri China ada Menteri Melayu? Di negeri India ada Menteri Melayu? Ini menunjukkan orang Melayu sentiasa terbuka dada untuk memberi laluan, memberi tempat kepada kawan-kawan kerana orang Melayu adalah daripada ajaran orang Islam terbaik-baik, tolong-menolong itu adalah satu perkara yang dipuji oleh Allah s.w.t., maka itulah yang kita amalkan tetapi janganlah pula jadi perangai

Belanda, sudah beri setapak rumah, habis semua hendak dipagarnya. Saya minta maaf kalau ada cuba yang hendak berperangai begini.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita sama-sama berada dalam Dewan ini memberikan sokongan yang jitu, sokongan yang padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam keadaan beliau yang bersungguh-sungguh ini meletakkan negara Malaysia ini kepada sebuah negara yang disegani, yang dihormati oleh seluruh negara dalam dunia ini. Atas kepopularitinyalah sehingga Malaysia baru-baru ini berjaya menduduki salah sebuah negara di dalam Ahli Majlis Keselamatan di dalam dunia. Ini menunjukkan bahawa atas kegigihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan negara ini daripada semua kaum, maka kita sepatutnya memberikan sokongan dan tidak patut kita menimbulkan lagi kekecuan atau memeningkan kepala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bukan ini sahaja perkara yang beliau hadapi, begitu juga di dalam hendak menyusun kerusi-kerusi di dalam pilihanraya, punya kasihannya saya tengok Perdana Menteri itu dengan Timbalan Perdana Menteri, juga selaku Setiausaha Barisan Nasional hendak meletakkan di mana pengundi-pengundi bukan Melayu ini menang terpaksa beri di kawasan di mana majoriti pengundi Melayu. Kita beri dalam kawasan majoriti pengundi bukan Melayu semuanya lingkup, semuanya kalah. Cuma satu sahaja dalam seluruh kawasan pilihanraya dalam bandar yang menang daripada parti komponen, bukan saya hendak masuk bakul angkat diri sendiri, cuma kawasan saya sahaja kawasan Batu, lain komponen parti semua tewas. Kawan-kawan kita yang duduk dalam Barisan Nasional yang jadi Menteri, jadi Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen yang tidak datang daripada UMNO, daripada parti komponen Barisan Nasional

semuanya menang dalam kawasan-kawasan majoriti orang Melayu menunjukkan keikhlasan orang Melayu tetapi masih lagi ada kawan merapertikaikan sehingga sanggup menuduh perkataan manifesto pilihanraya Barisan Nasional yang sudah membohong kepada kaum lain. Ini adalah amat dikesali.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apabila kawan kita sudah minta maaf tadi, saya pun sedia memaafkannya. Sebenarnya saya tahu Yang Berhormat kawan saya ini orang baik, dia selalu memperjuangkan orang Melayu, dia tahu orang Melayu miskin, orang Melayu susah. Begitu juga Yang Berhormat dari Muar itupun orang baik, kalau bercakap itu masalah perpaduan sahaja, dia sendiri menung. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, selepas dia baca teks ucapan itu dia menung. Masa dia membaca, saya tengok menggigil-gigil dia pegang, dia tak semak lagi, tahu-tahu sampai kepada dia, diapun buka, baca, dia ingat sedaplah bunyinya, rupanya dia suruhnya picit 'trigger' untuk menembak. Jadi, itulah kita ini sudah duduk dalam Dewan ini kalau sudah orang jadi bodoh, kita pun ikut bodoh buat apa. Jadi, saya mintalah janganlah kita semua ikut jadi bodoh.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang 1990 kita hanya menuntut lagi 12% untuk mencukupi 30% untuk dasar ekonomi orang Melayu - Dasar Ekonomi Baru dan saya tak nampak perkara ini boleh tercapai kalau masih lagi suara-suara sumbang, suara-suara yang boleh menggerunkan kepada kami semua. Maka itu sebabnya tadi saya mencadangkan kalau boleh Kerajaan wujudkan satu mini Parlimen, kita sama-sama dengar macam mana di kalangan orang Melayu yang ingin memperjuangkan bangsanya bercakap untuk menentukan Dasar Ekonomi Baru. Begitu juga kita mahu dengar di kalangan bukan Melayu bercakap, baru itu saya

rasa menjadi satu dasar yang boleh kita sama-sama terima kerana rakyat tak boleh marah lagi. Dasar ini dibuat oleh golongan dan kumpulan mewakili kaum masing-masing, terdiri daripada mereka yang agresif terhadap bangsanya sendiri, terhadap kaumnya sendiri,

Saya mencadangkan perkara ini dan saya harap Kabinet Menteri boleh menerima cadangan saya ini. Kalau tidak, saya tak nampak cara Dasar Ekonomi Baru ini boleh kita tutup mulut bagi mana-mana pihak untuk bercakap, masih ada lagi kedengaran mempersoalkan Dasar Ekonotni Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah nasihat-nasihat saya kepada kawan-kawan saya yang telahpun bercakap dan yang paling memeranjatkan saya bila 'time' giliran saya hendak berucap pula itu minta buat penjelasan, apa takutkah? Saya berucap, saya ada otak, saya kalau hendak tegar pun, tegur sebagai setia kawan dalam Barisan Nasional, saya tak akan menyinggung perasaan bangsa-bangsa lain. Kalau, sudah kawan menyinggung,, perasaan bangsa Melayu yang saya anggap telahpun melakukan satu perkara yang bodoh, saya hendak ikut bodoh fasal apa, dengan izin 'very sorrylah', Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak menyentuh 2, 3 Kementerian di dalam Rang Undang-undang Belanjawan 1989, terutamanya Jabatan Perdana Menteri yang mana peruntukan Jabatan Perdana Menteri ini kalau tidak silap saya termasuk peruntukan untuk Hal Ehwal Wilayah Persekutuan kerana dahulu kita mempunyai Kementerian Wilayah Persekutuan Kementerian ini telahpun dimansuhkan dan diserapkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang perlu saya sentuh di sini oleh kerana masih terdapat jalan-jalan, longkang-longkang dan parit, taliair yang boleh menyejatkan begitu cepat bila hari hujan lebat menjadi banjir supaya dapat diperuntukkan lebih sedikit kepada Department ini agar Kuala Lumpur yang menjadi bandar, apabila hari hujan tidaklah semudah itu menjadi banjir.

Di samping itu, saya juga hendak menyentuh masalah B.12 - Jabatan Perpaduan Negara. Ini adalah satu Jabatan yang paling penting kerana Jabatan ini tidak memainkan peranan yang begitu tersusun dengan baik, saya fikir - kalau salah minta maaf, kalau saya menuduh yang bukan-bukan. Maka masih terdapat lagi perpaduan di kalangan semua kaum di dalam negara ini belum begitu bersatu padu. Negara, kalau kita mengeluarkan budget begitu besar, kalau negara kita tidak bersatu padu di kalangan rakyatnya, senantiasa bertelingkah, senantiasa bergaduh, senantiasa tidak aman, saya tidak fikir apa jua kemudahan-kemudahan yang hendak kita berikan kepada rakyat akan berjaya. Kalau berjaya pun ia akan menjadi membazir kerana negara di dalam keadaan tidak aman. Maka untuk menjayakan segalanya ini kita harus menekankan banyak dari segi perpaduan

dengan tujuan supaya kita bersatu padu, maka rakyat akan hidup dengan gembira dan akan benar-benar menjalinkan perasaan mesra anCara satu sania lain dan tolong menolong di antara semua kaum.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh B.-13 - Kementerian Kehakiman. Kementerian Kehakiman ini, saya cuma hendak memberi ucapan tahniah kepada Ketua- Hakim Negara yang baru dilantik. Cuma saya hendak minta nasihat kalaulah UMNO ada team A, team B, kalau Hakim-hakim juga masih ada team A dan team B, tolonglah perbetulkan kerana kita mahu jadikan negara ini di dalam semua lapisan masyarakatnya adalah lapisan masyarakat yang menjadi contoh dan taladan yang baik kepada seluruh rakyat.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh B.36 - Polis Di Raja Malaysia, yang juga mendapat peruntukan belanjawan yang begitu baik. Saya memberi tahniah kepada Pasukan Polis di dalam raelaksanakan tugas yang begitu baik. yang telah, dapat menunjukkan keharmohian, kerjasama dengan rakyat jelata dan dengan orang ramai, tetapi cuma satu sahaja yang saya minta, tambah Lagi sedikit iaitu keberanian. Keberanian. maksud saya, selama ini Polis memanglah berani, tetapi berani menegur atau menahan, melarang ceramah-ceramah politik yang tidak ada permic yang tidak ada. kebenaran, kerana terdapat sekarang di kalangan tnereka yang mengakui. pejuang UMNO 46, oleh kerana dia bukan datang dari satu badan yang berdaftar ataupun parti yang berdaftar, maka tidak ada satu platform untuk permohonan mendapatkan permit membuat ceramah di sana sini. Maka mereka terpaksa menipu rakyat. Yang paling istimewa sekarang, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sekarang dia sedang

menyenaraikan hari jadi kawan-kawan di dalam golongan 46 ini. Siapa sahaja sampai hari jadinya beritahu cepat-cepat boleh adakan kenduri, jamuan makan menyambut hari jadi si polan, si polan, maka berduyun-duyunlah, beratus ribulah yang datang kerana menyambut hari jadi.

Sebenarnya bukan jamuan hari jadi, tetapi hanya sebagai alasan. Sebenarnya hendak menyampaikan perasaan tidak puas hati dan hendak menghentam Kerajaan, hendak menghentam Perdana Menteri sebagai Presiden Parti, maka apa yang perlu saya ingatkan di sini minta kerjasama dari pihak Polis, bila terdapat sahaja ada ceramah-ceramah yang berbentuk jamuan hari jadi, ataupun maulid Nabi dan sebagainya, kalau ada tokoh-tokoh politik yang dikenalpasti daripada golongan UMNO yang mengakui pejuang politik UMNO 46 dan pada kami, kami memanggil serpihak UMNO, sila tahan mereka, jangan beri berceramah kerana telah berlaku dalam kawasan saya sendiri, 15 - serentak satu malam, ada yang jamuan hari jadi, jamuan tahlil, jamuan maulid nabi, jamuan anak pas sekolah, semua ada. Tetapi saya tidaklah menyalahkan Polis, saya sudah menyebut awal-awal tadi kerana mungkin Pasukan Polis juga belum menerima arahan daripada pucuk pimpinan, tetapi masih perlu kepada pasukan Polis ada kuasa, sekurang-kurangnya menahan, jangan berceramah kerana malu, terutaraanya kita malu kepada bangsa asing. Mulanya jamuan itu dimulakan dengan doa selamat, dengan bacaan ayat-ayat suci, lepas sahaja Amin ya-rabbul-alamin, pusing muka, tolak pinggan, tolak dulang cawan semua - letak petn-besar suara mula berkempen, maki hamun kepada pemimpin-pemimpin dan Kerajaan. Ini memalukan kepada agama kita, kepada bangsa lain dan agama lain. Tengok!

Di samping itu saya ingin juga menyentuh apa yang berlaku 2 hari sudah di dalam Dewan Rakyat. Ini juga saya perlu menegur, percama-nya kepada kakitangan Parlimen (Bentara). Macam mana boleh berlaku pergaduhan di dalam Dewan Rakyat ketika semua Ahli-ahli Dewan Rakyat sedang membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Razaleigh. Yang paling hodoh kepada saya, kononnya seorang ialah pak bilal, seorang nazir masjid, Peristiwa bergaduh bermula kerana dendam mendendam. Adakah jadi pegawai masjid masih ada sifat dendam mendendam? Jadi nazir masjid masih ada sifat dendam mendendam?

Ini juga harus diperbetulkan. Mereka yang hendak jadi kepala dalam masjid ini mestilah mereka yang sudah naik mertabat betul-betul daripada orang Islam, sudah naik mertabat Islam mukmin, sudah tidak lagi melakukan sifat-sifat yang dikeji oleh Allah s.w.t. lagi, cumanya melakukan sifat-sifat yang dipuji oleh Allah. Tetapi kalau masih ada perasaan dendam, mencari peluang di hadapan orang ramai, hendak mencari cheap publicity sehingga dalam Dewan yang mulia pun sanggup tamper menampar, ini paling memalukan kita semua.

Saya berharap pegawai tertinggi dan Datuk Bentara di kawasan Parlimen ini untuk berhati-hati supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa-masa akan datang dan saya hendak lihat juga keadaan kawalan yang masuk datang ke Parlimen ini pun saya tangok, saya pandang sahaja, tidak begitu ketat sangat. Tetapi nasib baiklah negara Malaysia ini datang daripada rakyatnya baik-baik, tidak kira apa kaum, masih lagi berdisiplin. Tetapi kalau kita terlalu memberikan begitu mudah, begitu senang untuk pelawat-pelawat masuk melawat ke Parlimen ini tanpa diperiksa, tanpa disyaki sesuatu, saya takut-takut sudah berlaku besok baru kita semua hendak menyediakan satu security yang ketat. Jadi sebelum berlaku, lebih baik kita bertindak.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak tegur pula B.44 iaitu peruntukan kepada Kementerian Penerangan.

Saya mintalah Kementerian Penerangan ini di dalam membuat liputan, program Laporan Parlimen kalau boleh dipanjangkanlah masanya sedikit kerana Laporan Parlimen ini untuk kami ini, Dewan Negara atau Dewan Rakyat bersidang bukan selalu, berilah sedikit laporan, panjangkanlah sedikit supaya biar tentu betul kepada isteri-isteri

yang tinggal di rumah, mengaku betul-betul yang suaminya bertugas di dalam Dewan ini apabila dia tengok gambar suaminya dalam TV. Ini kadangkala tidak keluar, bila tidak keluar mulalah isteri bertanya kepada suami "Betulkah abang pergi Dewan tadi? Kalau pergi, jangka adalah gambar abang". Jadi ini juga saya mintalah Kementerian Penerangan dapat memberikan kerjasama kepada apa yang saya tegur tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai kawan-kawan lain hendak memberi pandangan, saya juga banyak lagi points yang saya hendak sampaikan, saya rasa berilah peluang kepada kawan-kawan lain. Sebelum saya duduk sekali lagi saya mengingatkan kepada kawan-kawan supaya tidak lagi berlaku suara-suara yang boleh mengguris atau menyinggung-perasaan kaum yang lain. dan kalau ada pun kawan-kawan yang belum dapat giliran berucap tetapi teks ucapan sudah diberi, semak semula, mana yang patut diperbetulkan -' diperbetulkan. Kalau tidak, mari kita jum'pa di kantin, saya tolong betulkan sama.

Jadi, biarlah kita bercakap perkara-perkara ibarat kata jangan menyinggung perasaan mana-mana kaum, bahkan kita memperlihatkan bahawa kita ini duduk di dalam Dewan Negara benar-benar bertanggung-jawab kepada negara, kepada rakyat jelata. Bila sebut perkataan rakyat jelata, termasuklah rakyat daripada kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan juga kaum-kaum yang lain. Itu sebabnya apabila kita dilantik menjadi Ahli Dewan Negara, kita mengangkat Sumpah. Di dalam Sumpah itu kita mengaku mempertahankan Perlembagaan, mempertahankan kedaulatan undang-undang dan lain-lain. Jadi, kita sudah mengaku, sudah bersumpah, tetapi sampai di sini kita tabur, lepas itu kita minta maaf. Jadi janganlah berlaku lagi.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan tarima kasih dan tahniah kepada Menteri Kewangan dan juga pegawai-pegawai yang telah dapat menyediakan satu Rang Undang-undang Perbekalan, 1989. Di samping itu mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri walaupun beliau dihamun, dikata berbagai-bagai kata tohmahan, tetapi beliau dengan tegas, beliau dengan tabah dapat memimpin negara ini sehingga dapat memulihkan ekonomi negara. Ini satu ucapan yang syabas, yang patut kita berikan kepada beliau. Yang paling malang kepada kita, kita tidak dengar ucapan terima kasih atas kenaikan harga-harga barang. Cuma kita dengar dahulu bila harga barang turun, semua Perdana Menteri yang salah, jatuhnya harga minyak di dalam Malaysia, Mahathir salah jatuh harga kelapa sawit, Mahathir salah. Di negara lain juga jatuh, tetapi rakyat tidak menyalahkan Perdana Menterinya, cuma di Malaysia ini sahaja kerana Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dengan begitu luas dan sewenang-wenangnya. Itu sebabnya rakyat pun sudah berani berkurang ajar dan ini juga perlu saya nasihatkan Kerajaan. Kita harus bendung walaupun kita memberikan satu corak pemerintahan demokrasi tetapi janganlah demokrasi itu sendiri boleh menjahanamkan negara kita atas tingkah laku rakyat yang tidak dapat kita kawal nanti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bercakap dengan lebih masa dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan, 1989. Sekian, tarima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

5.17 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan atas Akta Perbekalan, 1989.

Perbekalan 1989 Maksud B. 1 - Parlimen

Saya dapati bahawa hanya sebanyak \$14,864,500 diperuntukkan untuk Parlimen. Selain daripada membayar elaun kepada Ahli-ahli Parlimen, gaji untuk pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, ia juga digunakan untuk mengurus Bangunan Parlimen. Pada pendapat saya peruntukan sebanyak ini tidaklah mencukupi sama sekali. Ahli-ahli Parlimen selalu dihantar ke luar negeri atas tugas-tugas rasmi.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa lebih ramai, "Ahli-ahli Parlimen" dihantar ke luar negeri untuk menghadiri persidangan-persidangan, seminar-seminar dan penyelidikan atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan, aktiviti-aktiviti ekonomi dan penggalakan pelancongan. Elaun perbelanjaan mereka patut dibayar dari tabung tersebut. Elaun-elaun tersebut patut dibayar terlebih dahulu untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Ahli-ahli Parlimen di luar negeri. Suatu tabung yang asing patut disediakan untuk matlamat ini daripada peruntukan tersebut.

Maksud B.27 - Kementerian Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa sebanyak \$156,583,300 diperuntukkan untuk Kementerian ini. Ini adalah satu Kementerian yang sangat penting. Saya andaikan, jumlah ini adalah untuk perbelanjaan perjalanan dan pembangunan. Saya tidak tahu sama ada jumlah ini cukup atau tidak kerana saya tidak pernah tengok

akaunnya untuk tahun-tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, memandang jumlah perutusan dan Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri, saya percaya peruntukan tersebut tidaklah mencukupi.

Untuk menjimatkan kos dan perbelanjaan, adalah lebih baik jikalau Kementerian Luar.Negeri dapat membeli bangunan kita sendiri untuk menempatkan Pesuruhjaya Tinggi-Pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta, pegawai-pegawai konsular dan kakitangan-kakitangan kita. Kita mempunyai bangunan-bangunan di beberapa negara untuk matlamat ini, misalnya di Washington, Seoul dan sebagainya.

Tetapi ada beberapa negara di mana kita tidak mempunyai bangunan kita sendiri.

Misalnya, Perutusan kita ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York, menyewa 2 tingkat di suatu bangunan yang besar dan kebanyakan daripada kakitangan-kakitangan kita tinggal di pangsapuri-pangsapuri yang disewa di Manhattan. Sewa yang dibayar untuk Pejabat Perutusan dan kakitangan-kakitangan adalah terlalu tinggi. Dari pemerhatian saya di New York, pangsapuri-pangsapuri yang disewa untuk kakitangan-kakitangan kita dan keluarga mereka tidaklah sesuai untuk kebajikan dan asuhan anak-anak mereka. Pangsapuri-pangsapuri tersebut kekurangan kawasan untuk aktiviti-aktiviti sukan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar Kementerian Luar Negeri mempertimbangkan untuk membeli bangunan untuk Perutusan Bangsa-bangsa Bersatu kita dan kakitangan-kakitangan di kawasan-kawasan kediaman di luar Manhattan, Mereka juga harus dibekalkan dengan pengangkutan untuk membawa mereka ke pejabat dan pulang. Ini mungkin dalam jangka masa yang panjang menjimatkan kos dan menambah harta yang berharga bagi Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menghantar saya sebagai salah seorang Wakil kita ke Perhimpunan Agung ke 43 Bangsa-bangsa Bersatu. Setnasa penginapan saya selama sebulan di sana, saya telah mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan harian di Perutusan Bangsa-bangsa Bersatu kita dan di Komiti ke 3 Bangsa-bangsa Bersatu. Semasa ini saya memerhati bahawa perhatian tidak banyak diberi atas isu-isu wanita.

Saya mencadangkan supaya seorang pegawai wanita tetap ditempatkan di Perutusan Bangsa-bangsa Bersatu kita di New York, untuk raengambil minat dalam isu-isu wanita di sidang Komiti ke 3. Selain dari itu saya memerhati di Komiti ke 6, Komiti Undang-undang, di mana saya hadir sebagai wakil ganti, bahawa tiada pegawai yang berkelayakan undang-undang untuk memerhati perkara-perkara berhubung dengaa Undang-undang Antarabangsa, khasnya berhubung dengan 'Sea-Beds', dengan izin. Walaupun kakitangan-kakitangan kita di Perutusan Bangsa-bangsa Bersatu cuba sedaya-upaya untuk menghadiri isu ini, saya percaya sekurang-kurangnya seorang Ahli Parlimen dengan kelayakan undang-undang atau seorang Pegawai Kanan Persekutuan dari Jabatan Peguam Negara patut dihantar ke sana.

Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas usaha dan bantuan yang tidak terhenti-henti oleh Ketua Setiausaha dari Wisma Putra, Wakil Tetap kita ke Bangsa-bangsa Bersatu dan kakitangan-kakitangannya dan Duta-duta kita ke Brazil, Libya dan Nigeria yang telah menolong kami dalam kempen untuk mewakili Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kesemua Duta-duta kita dan kakitangan-kakitangan harus diucapkan tahniah kerana usaha dan pengorbanan yang tidak terhingga yang dibuat oleh mereka semasa kempen tersebut.

Kadangkala didengar bahawa Wakil-wakil dan kakitangan-kakitangan kita di luar negeri sedang menghadapi masa yang mudah di sana. Saya sendiri telah menyaksikan Duta-duta kita di New York, Washington dan Seoul. Mereka sangat bertanggungjawab dan sentiasa memimpin dan mengambil tentang kepentingan kita berhubung dengan pelaburan, perdagangan, kebudayaan, politik dan pelancongan. Misalnya, bila

saya menemui Duta kita di Washington bersama dua orang Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat, selepas memberi ceramah kepada kami mengenai aktiviti kedutaan kita di Amerika Syarikat, beliau berkejar ke Kongress Amerika Syarikat untuk bersaraa-sama dengan Senator-senator dan wakil-wakil Amerika Syarikat untuk mendapat sokongan mengenai minyak kelapa sawit kita, yang mana telah diberikan propaganda yang buruk oleh setengah-setengah golongan di Amerika Syarikat. Saya merujuk fakta-fakta ini untuk menunjukkan bahawa wakil-wakil kita di luar negeri adalah giat menjalankan tugas dan bukannya bersenang-lenang.

Saya juga difahamkan bahawa setengah-setengah daripada Wakil-wakil dan kakitangan kita ditempatkan di luar negeri terlalu lama. Lni akan menjejaskan kebajikan mereka, khasnya pendidikan anak-anak mereka. Seorang pegawai tidak patut dicempatan di luar negeri lebih dari 3 tahun. Mereka harus diberi rehat 3 tahun dengan berkhidmat di dalam negeri sebelum dihantar ke negara lain. Lebih lagi, mereka harus diberi penerbangan yang dibayar untuk pulang bercuti ke tanahair setahun sekali. Jika langkah ini dapat diterima, ia akan memastikan bahawa pegawai-pegawai dan keluarga mereka tidak putus hubungan dengan Malaysia terlalu lama, dan selain dari itu mereka akan mendapat pengetahuan yang baik berkenaan aktiviti-aktiviti di Malaysia dan mereka kemudian dapat melancarkan aktiviti-aktiviti Malaysia kemaskini.

Saya juga mencandang, memandangkan kos kehidupan yang tinggi di setengah-setengah negara, elaun pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negeri ditambahkan.

Adalah pandangan saya bahawa penggalakan pelancongan di setengah-setengah negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah tidak memuaskan. Ia adalah satu langkah yang baik jikalau Kementerian Luar Negeri dapat membuka Badan Galakan Pelancongan di Perutusan-perutusan Luar Negeri kita untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita dan dengan demikian pendapatan kita juga akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai seorang wakil wanita dalam negara ini, saya ingin mengambil kesempatan ini berucap sedikit mengenai hal ehwal keluarga dan wanita.

Pertama sekali, berhubung dengan cukai pendapatan. Saya menyeru kepada Menteri Kewangan agar dapat memberi elaun cukai (tax relief), dengan izin, kepada mereka yang sedang menjaga ibu bapa mereka yang sudah uzur.

Seperti sedia dimaklumkan, kebudayaan tidur selalu mementingkan kebajikan para ibu bapa, khususnya mereka yang sudah tua atau bersara. Saya percaya situasi tersebut dihadapi oleh semua kaum dalam negara ini. Oleh yang demikian, saya yakin elaun tersebut akan membantunya dari segi meringankan beban perbelanjaan seharian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan umur bersara bagi pekerja-pekerja lelaki daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Langkah ini patut dialu-alukan. Walau bagaimanapun, saya hairan kenapa perlanjutan perkhidmatan selama 5 tahun tersebut tidak merangkutni pekerja-pekerja kaum wanita yang selama ini juga telah turut menyumbangkan kepada pembangunan negara. Saya harap Kerajaan akan mengkaji tentang kenaikan tahap umur bersara kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

5.30 ptg.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, setelah bangun tujuh kali untuk merampas peluang bercakap dalam Dewan ini barulah saya dapat peluang. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berucap mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1989 ini serta menyokong dengan sepenuhnya seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1988 yang lalu di Dewan Rakyat dan pada 5hb Disember di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah berjaya mewujudkan satu kedudukan ekonomi yang menyakinkan dengan meninggikan prestasi ekonomi yang lebih baik dan meningkatkan ekonomi yang lebih tinggi dari apa yang dijangkakan pada tahun ini. Walaupun pada masa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil-alih jawatan Menteri Kewangan dahulu kemelesetan ekonomi melanda negara di mana Yang Berhormat Menteri terpaksa menghadapi berbagai cabaran yang timbul dan memberi sumbangan dan pengorbanan terhadap pemulihan ekonomi, Yang Berhormat Menteri telah berjaya, tahniah kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari adalah di antara yang terbaik pernah dibentangkan yang boleh disifatkan sebagai Belanjawan untuk semua lapisan rakyat, kakitangan Kerajaan, pekerja,

penduduk luar bandar dan bandar serta ahli-ahli perniagaan tempatan dan pelabur-pelabur luar negeri, walaupun ada beberapa pihak yang menganggap Belanjawan 1989 ini sebagai Belanjawan pilihanraya. Bagi golongan ini mereka telah berasa cemburu dan kecewa di atas kesempurnaan Belanjawan ini yang dengan sendirinya menangkis segala kerapen, fitnah dan syak wasangka yang sentiasa ditaburkan bagi melemahkan Kerajaan Barisan Nasional yang telah menjadi payong naungan hidup dan pegangan politik rakyat Malaysia selama ini. 'Kepada mereka yang menimbulkan masalah **ini**, ingin saya mengingatkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah jujur dan ikhlas menyediakan Belanjawan 1989 ini untuk faedah dan kebaikan semua pihak. Sepatah kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa setiap Kerajaan mempunyai motif untuk melakukan sesuatu yang baik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 mempunyai strategi yang dirancangan untuk mengekal dan mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara dengan meneruskan usaha-usaha penyesuaian yang diperlukan untuk mengambil kesempatan daripada asas perkembangan ekonomi yang semakin kukuh ini, telah menawarkan kegiatan gaji kepada kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan A, B dan C serta berbagai insentif cukai kepada sektor korporat, skim perkhidmatan dan tanggagaji baru untuk pekerja-pekerja dalam perkhidmatan teknikal atau 'kolar biru, dan pengisian 18,700 jawatan kosong dalam perkhidmatan Kerajaan yang penting dan perlu.

Anggaran Belanjawan bertambah sebanyak \$2,444 juta atau kira-kira 7.3% berbanding dengan anggaran tahun 1988. Peruntukan Perbelanjaan Mengurus bertambah sebanyak \$150 juta, peruntukan

Perbelanjaan Pembangunan bertambah sebanyak \$994 juta atau 14.4% lebih tinggi dari peruntukan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh serta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyediakan Belanjawan ini begitu rupa yang merangkumi berbagai aspek pengurusan dan pembangunan sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan perkhidmatan yang memberi pulangan dan faedah yang begitu bernilai kepada berbagai lapisan masyarakat khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya untuk menyampaikan cadangan-cadangan bagi tujuan melicinkan dan menyelaraskan pelaksanaan peruntukan-peruntukan Belanjawan 1989 seperti yang telah dibentangkan itu. Pengisian 60% jawatan koang dalam perkhidmatan kesihatan dan pendidikan seperti yang dicadangkan itu hendaklah dilakukan pengambilan dengan adil dan menyeluruh dengan mengambil kira kelayakan komposisi kaum, latar belakang kehidupan bandar atau luar bandar, inisiatif dan kewibawaan. Dengan demikian maka harapan serta dasar Kementerian yang berkenaan tidak dikecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$1,147 juta telahpun diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan pendidikan termasuk pembinaan bilik darjah dan meluaskan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Peruntukan ini adalah satu peruntukan yang wajar memandangkan kepada langkah-langkah dan usaha-usaha Kerajaan kita untuk mewujudkan satu generasi muda-mudi yang berdisiplin dan mahir dalam pelbagai bidang yang sangat-sangat diperlukan dalam sebuah negara yang sedang membangun ini.

Perhatian dalam pelaksanaan projek-projek ini di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diberi bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kawasan-kawaaan pendalaman, di kampung-kampung, ladang-ladang getah, lombong-lombong, bijih timah dan sebagainya. Di kawasan-kawasan pendalaman dan estet-estet getah, kita masih terdapat sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan air paip, elektrik dan juga tandas-tandas.Keadaan demikian adalah satu gejala yang kurang menyenangkan dalam sebuah negara yang merdeka dan sedang membangun.

Di ladang-ladang getah terdapat juga sekolah-sekolah yang raasih dijalankan di dewan-dewan, rumah berhala yang terbuka. Anak-anak kita yang belajar dalam sekolah ini tidak dapat peluang menikmati kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah di pekan atau di bandar.Saya rasa Kerajaan haruslah utamakan pembangunan sekolah di tempat-tempat dan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai bangunan-bangunan langsung.

Saya juga dapat tahu bahawa ada beberapa syarikat atau tuan punya ladang-ladang getah enggan memberi tanah untuk pembinaan sekolah di ladang-ladang getah. Kalau perkara ini betul, saya rasa Kerajaan harus memikirkan dengan serius untuk mengadakan peruntukan undang-undang. Tuan punya-tuan punya estet harus disedarkan bahawa mereka mempunyai satu obligasi moral untuk memperuntukkan sebidang tanah bagi bangunan sekolah di ladang-ladang raereka.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan kos rendah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana minat yang ditunjukkan oleh beliau terhadap melaksanakan program rumah kos

rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini beliau telah memperuntukkan sejumlah \$89 juta bagi membina sebanyak 8,595 unit rumah kos rendah. Bantuan kewangan ini diberi kepada Kerajaan-kerajaan negeri supaya projek-projek rumah kos rendah ini dapat disempurnakan, Sektor-sektor swasta turut digalakkan untuk memainkan peranan lebih besar dalam pembinaan rumah kos rendah supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia khususnya mereka yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah.

Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya perhatian khas diberi kepada, pekerja-pekerja estet. Walaupun kita terdapat beberapa ayarikat membina rumah-rumah pekerja-pekerja sekarang, tetapi rumah-rumah ini adalah baik sedikit daripada maaa penjajah dahulu. Kebanyakan rumah-rumah pekerja di estet boleh disamakan dengan kandang-kandang lembu. Dalam sesuatu keluarga yang ahlinya 6 ataupun 7 orang rumah pekerja itu mempunyai cuma dua buah bilik yang tidak tertutup dan ukuran rumah itu ialah 16' x 12' sahaja.

Satu projek pemilikan rumah sendiri diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita pada tahun 1972. Selepas hampir 15 tahun, raengikut Yang Berhormat Menteri Buruh baru-baru ini dalam Dewan ini, setakat ini cuma 8 buah estet sahaja yang merancang projek-projek seumpama itu yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri kita itu.

Itu menunjukkan kurang penekanan daripada pihak Kerajaan. Saya minta pihak Kementerian Buruh memberi perhatian sewajarnya terhadap projek pemilikan rumah sendiri oleh pekerja-pekerja estet.

Pinjaman industri kecil dan sederhana. Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan pinjaman sebanyak \$890 juta telah disediakan oleh Kerajaan untuk industri kecil dan sederhana. Di bawah skim ini syarikat-syarikat kecil dan sederhana boleh mendapatkan bantuan melalui beberapa institusi kewangan di negara kita. Walaupun had pinjaman yang diberikan \$20 juta, tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan keutamaan akan diberi kepada pinjaman yang tidak melebihi \$5 juta. Peruntukan ini adalah satu peruntukan yang baik yang mana akan menggalakkan pengusaha-pengusaha kita untuk menceburi dalam industri-industri kecil dan sederhana.

Negara kita membangun dengan pesat dan Kerajaan kita mengambil langkah-langkah yang positif untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang perindustrian. Peranan industri-industri kecil dan sederhana adalah penting kerana tanpa industri-industri kecil dan sederhana maka sukar untuk industri-industri besar hendak diwujudkan. Memandangkan kepada pentingnya pinjaman itu maka perhatian yang teliti hendaklah diberi kepada penawaran pinjaman ini. Latarbelakang si pemohon, pentingnya sesuatu industri yang dicadangkan itu dan kebolehan mengendalikannya haruslah ditimbang. Pinjaman ini tidak harus diberi kepada pemohon-pemohon di bandar-bandar besar sahaja, tetapi pemohon daripada bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar pun perlu ditimbang. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa badan-badan perniagaan atau Chamber of Commerce, dengan izin,

hendaklah diberi peluang untuk memainkan peranan dalam hal ini. Badan-badan itu bolehlah menasihatkan tentang keutuhan sesuatu industri sebelum pinjaman itu ditawarkan. Saya harap institusi-institusi kewangan yang diamanahkan untuk mengendalikan pinjaman-pinjaman ini akan menimbangkan semua aspek yang penting supaya usaha-usaha Kerajaan dan hasrat Kerajaan yang mulia' ini dapat berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan FELDA. Kita masih mendengar rungutan-rungutan bahawa penagihan tanah melalui KELDA ini tidak adil. Tuduhan itu adalah kerana penyertaan dalam projek-projek FELDA itu tidak melambang komposisi kaum di negara ini. Walaupun pada mula-mulanya minat terhadap penyertaan projek FELDA oleh beberapa puak tidak begitu menggalakkan, tetapi pada masa ini ramai penduduk-penduduk di negara kita menunggu bertahun-tahun untuk mendapat peluang-peluang penyertaan dalam projek-projek FELDA. Saya merayu kepada Kerajaan supaya pertimbangan haruslah diberi kepada pemohon-pemohon yang benar-benar layak, berminat dan juga berpengalaman dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus bersedia menimbangkan dan meluluskan perraohonan-permohonan daripada badan-badan koperasi kerana beberapa koperasi dalam negara ini adalah teguh dan berupaya untuk mengendalikan urusan pertanian. Keuntungan yang akan diperolehi oleh koperasi-koperasi itu nanti akan disalurkan kepada semua ahli koperasi itu.

Pembangunan koperasi di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia tidak boleh menafikan peranan dan sumbangan gerakan koperasi terhadap pembangunan dan kemajuan negara ini. Syarikat-

syarikat koperasi telah membantu dan menolong ahli-ahlinya pada saat-saat yang genting. Hampir semua pegawai dan pekerja-pekerja sama ada sektor awam atau sektor swasta menjadi ahli dalam sekurang-kurangnya satu koperasi. Krisis koperasi dalam tahun 1986 di mana 24 buah koperasi terlibat telah menjejaskan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap gerakan koperasi di negara ini. Usaha-usaha Kerajaan untuk menyelamatkan ahli-ahlinya haruslah dipuji dan saya ucapkan terima kasih. Rakyat Malaysia terutamanya ahli-ahli koperasi menunggu sesuatu penyelesaian jangka panjang mengenai gerakan koperasi di negara kita. Mereka ingin Kerajaan menyelesaikan masalah-masalah itu dengan secepat mungkin dan memulihkan kegiatan-kegiatan koperasi itu.

Kalau sekiranya keadaan lembab yang wujud sekarang dalam gerakan koperasi ini dibiarkan begitu sahaja, maka usaha-usaha Kerajaan dan juga ahli-ahli kooperatif selama ini yang begitu bersusah payah membina dan membangun gerakan kooperatif di negara kita akan gagal. Kegagalan ini akan membawa kerugian besar kepada negara kita. Kerajaan dalam Kertas Putih yang dibentangkan dalam Parlimen mengenai 24 buah koperasi DTC mengatakan bahawa Kerajaan akan menghadkan kooperatif untuk menerima pertaruhan khas seperti untuk perumahan, pelajaran dan lain-lain lagi, tetapi dalam praktiknya ini tidak dilakukan. Kerajaan juga membenarkan cuma tiga buah kooperatif apex sahaja untuk menerima simpanan-simpanan tetap iaitu Bank Rakyat, Bank Prusahaan Kerjasama Seberang Perai Berhad dan Bank Pusat Kerjasama Berhad atau CCB.

Apabila CCB menghadapi beberapa masalah baru-baru ini, Kerajaan melalui Bank Negara telah melantik dan menghantar dua orang penamanya untuk menguruskan hal-hal CCB. CCB kini nampaknya macam satu syarikat kewangan dan tidak dapat memainkan peranannya

sebagai koperasi apex. CCB mempunyai 265 buah syarikat koperasi dan 380,000 orang ahli individu sebagai ahli mempunyai saham dalamnya. Maka apa jua usaha untuk mengubah corak dan bentuk CCB akan mengecewakan ribuan ahli yang menertainya. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah positif dengan secepat mungkin untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap gerakan koperasi di negara ini,

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 55,117 juta atau dua pertiga daripada perbelanjaan pembangunan 1989 adalah disediakan untuk projek-projek pembangunan luar bandar. Saya amat berharap supaya peruntukan yang besar ini hendaklah dilaksanakan dengan terperinci dan berkesan supaya projek-projek yang dilaksanakan kelak bermutu tinggi pada segi bahan yang diguna dan pelaksanaan k niahiran kerja projek. Dengan demikian-penduduk, luar, bandar-akan benar-benar dapat menikmatinya tidak mensia-siakan dan, merugi-kan. Begitu juga dengan peruntukan-peruntukan lain seperti pertanian, perdagangan dan perindustrian, pengangkutan, kemudahan awatn, pendidikan, kesihatan, perumahan kos rendah dan keselamatan. Projek-projek yang hendak dilaksanakan kelak biarlah berasaskan semangat bersih, cekap dan amanah

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989- sudah pun dibentang, sudah pun didengar dan dibual oleh rakyat jelata. Kita sama-sama sudah memahami yang tersurat dan tersirat.Hanya kini menunggu pelaksanaan dan implikasinya sahaja lagi. Oleh itu bagi menutup ucapan saya, saya menyeru dan merayu supaya Belanjawan 1989 hendaklah dibelanja dengan hati-hati, bertanggungjawab dan amanah demi untuk faedah rakyat dan negara, Kerajaan Barisan Nasional oleh semua yang terlibat dari yang berpejabat di menara kota kepada yang bernyamuk di ladang getah dan belantar di sawah padi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

5.50 ptg.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Saya mesti mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang sudah berjaya menguruskan wang ringgit serta ekonomi Malaysia dengan bersungguh-sungguh sehingga kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.4% tercapai pada tahun 1988. Harga-harga barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit telahpun naik, kedudukan imbalan pembayaran dijangka terus kukuh dengan lebih akaun semasa sebanyak S3,000 juta. Kesemua ini adalah bukti bahawa pengurusan ekonomi telah pun dijalankan dengan berkesan dalam beberapa aspek ekonomi negara kita ini dan usaha selanjutnya harus dijalankan demi kejayaan yang lebih cemerlang.

Pendidikan itu adalah satu tangga yang penting untuk kejayaan bagi semua rakyat. Justeru itu usaha Kerajaan yang memperuntukkan 51,147 juta bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan tentu sangat diperhargai oleh semua rakyat. Bagi tahun 1989 sebanyak 34,190 buah bilik darjah sekolah rendah dan sebanyak 4,300 buah bilik darjah sekolah menengah akan dibina. Jika kita anggarkan bahawa setiap bilik darjah dapat menampung lebih kurang 40 orang pelajar, maka sebanyak 167,600 orang murid sekolah rendah dan sebanyak 172,000 orang murid sekolah menengah akan mendapat faedah daripada peruntukan pembangunan itu.

Tambahan peruntukan sejumlah \$305 juta yang telah disediakan bagi program pendidikan tinggi untuk membolehkan lebih ramai lagi belia-belia menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Di bawah

program kebajikan penuntut-penuntut pula \$278 juta telah disediakan untuk menyediakan biasiswa, pinjaman buku dan bantuan makanan dan sebagainya. Kesemua langkah ini sudahpua menunjukkan kejujuran Kerajaan untuk menjalankan pendidikan belia generasi baru.

Oleh yang demikian, saya ingin membangkitkan beberapa aspek perkembangan pendidikan yang saya rasa perlu diberikan perhatian supaya boleh membantu lagi pertumbuhan ekonomi negara kita ini.

Yang pertama, tawaran biasiswa kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1989, mukasurat 219, Kerajaan kita akan meraperuntukkan sejumlah yang melebihi S81 juta untuk membiayai biasiswa dan dermasiswa untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti tempatan ataupun di seberang laut".

Kerajaan sudah berbelanja S90 juta pada tahun 1988 untuk tujuan yang sama. Memang langkah ini cukup menunjukkan bahawa Kerajaan-bersungguh-sungguh ingin memberikan perangsang dan bantuan yang berkesan untuk menambahkan lagi bilangan gunatenaga yang berke-layakan dan yang sangat diperlukan untuk mempercepatkan lagi perkem-bangan-dan pembangunan negara kita dalam perdagangan, teknologi dan sebagainya. Syabas! Tetapi sebaliknya seperti mana yang kita tahu, didapati lebih kurang 22,000 . pelajar Malaysia yang mengikuti pelajaran di universiti-universiti atau kolej-kolej Amerika Syarikat pada tahun 1988. Itu cuma satu contoh sahaja. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa terhadap limplikasi kewangan ke atas negara kita ini, di antara bilangan pelajar-pelajar itu lebih kurang setengah daripadanya adalah di bawah tajaan biasiswa Kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, PETRONAS, PERNAS dan

agensi-agensi Kerajaan yang lain, padahal kos hidup dan yuran tuition semakin meningkat di seberang laut. Bilangan pelajar biasiswa yang besar itu sudah tentulah menjadi satu beban yang berat kepada negara kita ini. Dianggarkan berasaskan perbandingan kos hidup dan yuran tuition di seberang laut dan tempatan, kita dapat menaja tiga kali bilangan pelajar itu jika semua mereka melanjutkan pendidikan mereka di universiti tempatan.

Oleh itu, jika pelajar-pelajar biasiswa dihantar ke seberang laut untuk mengikuti hanya kursus-kursus ijazah yang biasa iaitu ijazah yang boleh didapati di institusi pengajian tinggi tempatan, tindakan itu tentulah menjadi satu bentuk pembaziran wang ringgit Malaysia. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa di antara pelajar-pelajar biasiswa di seberang laut itu lebih setengah daripada mereka adalah yang mengikuti kursus-kursus ijazah yang biasa yang dapat ditawarkan oleh universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berjimat-cermat itu adalah satu prinsip yang diamalkan dalam Belanjawan 1989. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Kewangan memberikan garis panduan yang lebih ketat lagi kepada Kementerian Pendidikan supaya jangan melakukan pembaziran wang ringgit Malaysia melalui tawaran biasiswa bagi pelajar-pelajar pergi ke seberang laut untuk mengikuti kursus-kursus yang biasa. Lebih baik negara kita ini menggunakan sebahagian besar peruntukan biasiswa itu untuk membangun dan memperkembangkan lagi pusat-pusat pengajian tinggi di universiti-universiti tempatan supaya mereka dapat menampung bilangan pelajar yang lebih besar. Jika kita berbuat demikian, kita dapat menghasilkan gunatenaga yang lebih ramai bilangannya, yang lebih murah per siswazah dan juga boleh membantu pembangunan universiti-universiti tempatan, tentulah lebih

baik daripada keadaan sekarang ini di mana wang ringgit selalu dicurahkan ke arah United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain negara asing melalui biasiswa dan perbelanjaan kos hidup untuk pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang apabila tempat-tempat universiti tempatan adalah sangat terhad, semua pelajar lulusan STPM atau matrikulasi berlumba-lumba untuk memasuki universiti. Pada tahun 1988 lebih kurang 5,000 pelajar yang berjaya, tetapi malangnya, bilangan yang gagal adalah jauh melebihi 25,000. Justeru itu, pembangunan universiti untuk menambahkan tempat teutu akan membolehkan pengambilan yang lebih besar. Dan dengan cara itu dapat juga mengurangkan bilangan pelajar-swasta yang pergi ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat memahami perasaan ibu bapa pelajar-pelajar lulusan STPM yang berkecukupan masuk universiti tetapi tidak dapat tawaran. Ada ibu bapa yang bukan kaya tetapi menjual rumahnya untuk mendapatkan wang bagi menghantar anak-anak mereka ke seberang laut dengan harapan suatu hari nanti anak-anak mereka akan balik dengan ijazah dan boleh mendapat pekerjaan dar. boleh membeli balik sebuah rumah untuk keluarganya. Itu memang adalah dedikasi ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka. Tetapi dari pandangan kewangan negara, pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut itu merupakan hantaran, curahan wang ringgit kita ke seberang laut yang tentu akan merugikan sama ada wang itu datang daripada Kerajaan ataupun daripada ibu bapa pelajar itu. Sampailah masanya kita cuba menjimatkan kos pendidikan generasi muda Malaysia.

MARA telah memulakan program, dengan izin, American Degree Programme [ADP] secara twinning ataupun bekerjasama dengan MUCIA [Mid-West Universities Consortium for International Activities] di Amerika Syarikat. Program tersebut membenarkan pelajar kita mengikuti tahun I dan II di Malaysia dan yang ke-III dan IV di Amerika dengan itu mengurangkan kos pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap program seperti ini dapat dijalankan oleh institusi yang lain dan juga tnepastikan bahawa semua belia dengan berkelayakan sesuai dapat access kepada kemudahan pendidikan seperti program ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan adalah kebajikan penuntut-penuntut luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sekolah-sekolah berasrama penuh Kerajaan berharap dapat menambahkan bilangan belia yang berkelayakan dari kawasan-kawasan luar bandar. Mengikut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1989 mukasurat 226, bilangan asrama penuh yang disediakan adalah 263 buah pada tahun 1988 dan akan meningkat ke 286 pada tahun depan. Juga bilangan penghuni-penghuni asrama akan bertambah daripada lebih kurang 57,000 pada tahun ini kepada 64,000 tahun depan.

Dalam sistem sekolah-sekolah berasrama, memang didapati kemudahan-kemudahan pendidikan yang baik, guru-guru yang berkelayakan lagi berdedikasi, nisbah guru kepada murid yang besar dan boleh kata semua yang baik ada didapati di sekolah berasrama berbanding dengan sekolah-sekolah biasa. Semua ini adalah bertujuan menolong pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar untuk belajar dalam keadaan yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu perailihan pelajar untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penah ini. Yang

sebenarnya, saya ingin membuat demikian adalah kerana didapati ada pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga-keluarga yang kaya dan daripada kawasan bandar dapat memasuki sekolah-sekolah jenis ini dan dengan demikian sudah tentu merampas tempat peiajar luar bandar yang lebih memerlukan tempat itu. Ada pula pelajar-pelajar yang ibu-bapanya berkhidmat sebagai pegawai-pegawai kanan Kerajaan, jadi masing-masing menggunakan pengaruh masing-masing untuk mendapatkan tempat di sekolah berasrama bagi anak-anak mereka. Tindakan seperti ini sangat-sangat dikesali oleh kerana ramai pelajar yang benar-benar perlukan tempat-tempat itu tidak diberikan peluang terutama sekali pelajar-pelajar yang datang daripada laar bandar di mana tujuan sekolah-sekolah berasrama penuh itu ditujukan. Mereka itu tidak dapat peluang tetapi orang yang lain pula yang tidak memerlukan diberikan peluang pendidikan sekolah berasrama,

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang menyebabkan pengambilan pelajar-pelajar yang tidak betul itu? Saya bercadang . Kementerian Pendidikan menyemak semula sistem pengambilan pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh supaya betul-betul pelajar-pelajar kawasan luar bandar yang berfaedah daripada sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari , ini saya telah baca dalam suratkhbar Shin Min Daily News, dengan izin, bahawa Kerajaan berminat menubuhkan sebuah jawatankuasa perunding khas untuk meninjau tahap pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana itu saya ingin memberikan beberapa cadangan yang membina di sini untuk perbincangan dalam Dewan ini.

Saya ingin mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa khas tersebut kerana saya rasa dengan cara itu - Kerajaan tentu dapat menerima banyak cadangan membina daripada orang ramai. Saya ingin

mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana minat menubuhkan jawatankuasa tersebut. Ini sudah tentu menunjukkan dengan jelasnya sensitiviti Kerajaan terhadap suara rakyat melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan beberapa cadangan berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa tersebut.

- (1) Komposisi jawatankuasa tersebut mesti membayangkan struktur populasi Malaysia.
- (2) Selain daripada wakil-wakil daripada parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan profesional dan persatuan-persatuan sosial, individu-individu dengan kepakaran dalam berbagai bidang mesti diundang sebagai ahli.
- (3) Satu data base, dengan izin, yang sempurna mesti disediakan untuk meninjau tahap pencapaian objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru.
- (4) Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut mesti diberikan kuasa memperoleh maklumat-maklumat dan data-data daripada Kerajaan ataupun punca-punca yang lain yang berkenaan untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mereka dengan licin.
- (5) Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut mesti diberi kebebasan menyuarakan segala data atau maklumat yang diketahui oleh mereka untuk tujuan perbincangan.

Dalam konteks ini saya berharap Kerajaan boleh mengambil tindakan segera untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas ini dengan seberapa cepat mungkin demi kepentingan semua rakyat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengulas terhadap ucapan yang telah diberikan oleh beberapa orang Yang Berhormat-Yang Berhormat rakan. saya dalam Dewan yang mulia ini. Saya merasa sangat-sangat tidak puas hati terhadap ulasan Yang Berhormat yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang yang memberitahu sesiapa yang tidak suka sistem ini boleh keluar. Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat ini bahawa yang tidak suka mesti menyuarakan apa yang dia tidak suka. Apa yang kita ditugaskan di sini adalah menyuarakan apa yang kita rasa tidak -puas hati. Tetapi yang menghalau orang keluar dari sini atau keluar daripada negara ini adalah satu tingkah laku yang saya tidak harap datang daripada seorang Ahli Dewan Negara.

Seorang lagi rakan saya, Yang Berhormat Tuan Azman Atar sudahpun memberitahu bahawa dalam negara ini orang Cina boleh balik ke China, orang India boleh ke India, tetapi orang Melayu tidak ada tempat lain untuk balik. Saya rasa komennya adalah sangat-sangat menyakitkan hati terutama sekali hati orang-orang Cina dan India. Rakan-rakan Cina dan India saya rasa tentu tidak bersetuju dengan komen yang diberi oleh Yang Berhormat tadi **itu**.

Saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat itu perlu menarik balik ulasan-ulasan yang sudah diberikan oleh mereka kerana apa yang dikata oleh mereka itu adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang sudahpun memberi kewarganegaraan kepada orang-orang India dan orang-orang Cina dan juga kaum yang lain, yang lahir di tanahair ini selepas merdeka, iaitu selepas 1957.

Saya rasa dengan cara itu saya ingin menyuarakan bahawa sesiapa pun boleh menyuarakan perasaan ketidakpuasan hati mereka tentang sesuatu isu. Apa yang kita mesti pentingkan adalah perbincangan isu dan bukanlah menghalau seseorang itu keluar atau menghalau sesuatu kaum itu keluar daripada negara ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

Dr. Tan Chong Keng: Okay.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan di atas ucapan saya tadi, saya bukan menghalau orang Cina. Saya cuma membuat contoh kerana orang-orang Cina, selain daripada Malaysia, dia ada lagi satu negara iaitu negara China.

Dr. Tan Chong Keng: Bantahan dan penjelasan. Orang-orang Cina kalau dia sudah menjadi warganegara Malaysia, dia hanya ada satu negara sahaja iaitu Malaysia. Tidak ada negara yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah orang-orang Cina sudah memberi pengakuan begitu, ini menunjukkan benar-benar orang Cina mengakui bahawa negara Malaysia ini negara kita semua, dan kalau anggapan itu menyinggung perasaan orang-orang Cina, maka saya tarik balik, saya rela menarik balik demi kepentingan perpaduan.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan dengan ucapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan saya yang sudah sudi menarik balik ulasannya terhadap orang Cina dan orang India di negara ini, Seperti rakan saya Yang Berhormat Tan Chai Ho sudahpun memberitahu Dewan

yang mulia **ini**, baru-baru ini kita ada mendengar satu lagu patriotic bertajuk "Cinta Negara" yang mana ceritanya berjalan begini:

Kita semua dilahir di sini,

Kita semua besar di sini,

Ini adalah negara kita.

Saya ingin memberitahu rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini perasaan itu adalah perasaan semua warganegara Malaysia ini tidak kira kaum. Kita tidak boleh mengatakan, dengan izin, "Awak itu ada berkaitan dengan sebuah negara yang lain, ada jalan, awak boleh pergi kalau awak mahu". Saya harap rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini pada masa hadapan saya tidak mahu mendengar sebarang ulasan....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya fikir perkara itu sudah tamat.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, yang memulakan isu ini siapa dia? Harus kita sedar, kalau tidak takkan majlis ini menjadi begitu kecoh. Yang Tuan Yang di-Pertua kata betul, yang sudah itu sudahlah, pada hal Yang Berhormat tadipun sudah tarik balik. Ini bermaksud, mulai hari ini kita jangan lagi bawa perkara yang keruh itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, Yang Berhormat, saya sudah kata, perkara itu sudah tamat. Jangan timbulkan lagi.

Dr. Tan Choag Keng: Minta maaf. Akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir, kita beri peluang kepada Sabah sekarang. Jemput Yang Berhormat Pendikar Amin.

6.15 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kehangatan Dewan Negara mulai daripada kelmarin hingga ke hari **ini**, saya cuba untuk memberi pandangan saya dengan sedaya upaya moga-moga ianya tidak disalah-tafsirkan dan dalam memberi pandangan ini saya tidaklah berniat untuk menonjolkan bahawa ini adalah untuk kepentingan segelintir masyarakat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara untuk tahun 1989 adalah merupakan Belanjawan yang cuba bersikap adil kepada semua lapisan masyarakat yang tinggal di negara ini. Ianya memberikan keutamaan kepada perkara-perkara yang difikirkan penting oleh Menteri Kewangan yang akari raendatangkan faedah maksimum kepada negara. Di dalam membahaskan Belanjawan ini, saya telah membuat kesimpulan untuk menyentuh satu perkara yang menurut pendapat saya harus diberi perhatian serius oleh Kerajaan amnya dan Kementerian-kementerian yang berwajib khasnya. Perkara yang saya maksudkan itu telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King dan Senator Wong Kie Yik semalam secara ringkas, yang perlu diperpanjangkan dan diperjelaskan supaya ianya menjadi seperti maksud pepatah Melayu "sudah terang lagi bersuluh."

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu di dalam perjalanan ke Majlis Mesyuarat, saya ternampak cogankata yang terpapar di papantanda iklan yang berbunyi "Pelancongan Berjaya - Rakyat Berfaedah". Cogankata yang menarik ini ditulis di atas poster indah yang dihiasi dengan potret-potret individu yang memakai pakaian tradisi masing-masing yang mencerminkan bahawa mereka ini

terdiri dari golongan berbilang kaum. Individu-individu ini pula mengurak senyuman manis melambangkan suasana perpaduan erat di kampung mereka.

Tuan Yang di-Pertua, poster yang rnenarik- dan indah ini berukuran kira-kira 20 kaki panjang dan 10 kaki lebar. Poster ini juga, tidak akan, tertampal begitu sahaja di papan tanda iklan yang berdiri di tempat yang begitu strategik- kalau tidak kerana ada individu yang mencipta senikata cogankata itu, kalau tidak kerana ada pelukis yang mengilhamkan bentuk rupa poster itu, kalau tidak ada jurugambar yang mengambil potret individu-individu itu, kalau tidak ada pencetak yang mencetak poster- itu dan kalau tidak ada tukang, kayu, yang membuat papantanda kedudukan poster itu dan kalau tidak ada ke-lulusan membenarkan kedudukan papant-anda di mana poster-itu diletakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua enam perkara yang saya sebutkan itu dibuat dengan menggunakan perbelanjaan kewangan, yang mungkin beratus-ratus ringgit dalam setiap poster. Bayangkan kalau poster itu ditaburkan di seluruh negara, berapa perbelanjaannya? Saya fikir poster ini dibuat oleh TDC ataupun Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mesej yang cuba disampaikan oleh poster itu adalah jelas sesuai dengan Dasar Pelancongan Negara di mana Kerajaan Persekutuan mewujudkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan seterusnya mewujudkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan yang masing-masing bertujuan seperti berikut dan tujuan-tujuan ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu tahu tertulis di mukasurat 281 dan 283 Buku Anggaran Belanjawan 'Program dan Prestasi 1989'. Begini bunyinya, Tuan Yang di-Pertua:

Tujuan Kementerian Palancongan itu ialah - "memesatkan lagi perabangunan industri pelancongan sebagai satu industri utama negara ini dengan berteraskan, antara lainnya, kepada unsur-unsur kebudayaan negara yang mencerminkan ciri-ciri perpaduan serta kualiti-kualiti kehidupan, kemanusiaan, kerohanian dan kesenian."

Dan manakala tujuan Perbadanan Kemajuan Pelancongan pula ialah untuk "memastikan negara mendapat faedah yang maksimum daripada perusahaan pelancongan dengan cara menentukan perkembangan industri ini berjalan secara yang bermutu tinggi, sihat, seimbang dan sistematik".

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan sebanyak \$60,472,700 kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi tahun 1989 untuk peruntukan pengurusan dalam menjayakan kedua-dua matlamat yang saya sebut itu. Duit yang banyak ini memberikan gambaran kepada kita betapa pentingnya industri pelancongan itu kepada Kerajaan. Dan untuk mencapai matlamat Kementerian ini dengan menggunakan duit yang begitu banyak di dalam buku yang bernama Anggaran Belanjawan 'Program dan Prestasi 1989' di mukasurat yang saya sebut tadi, iaitu saya ulangi, mukasurat 281 dan

283, disenaraikan strategi-strategi dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pelancongan dan Perbadanan Pelancongan Malaysia untuk tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menghayati cara dan gagasan Kementerian Pelancongan dan Perbadanan Pelancongan Malaysia dalam mencapai matlariatnya, sepertimana yang disenaraikan di mukasurat-mukasurat tersebut tadi, maka saya percaya sesiapa sahaja yang membacanya akan berkeyakinan bahawa madamat itu akan tercapai. Tetapi walau bagaimanapun, satu persoalan akan timbul di samping tercapainya matlamat ini, sejauh raanakah ianya akan tercapai?

Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi saya akan bentangkan satu fakta yang harus diberi perhatian serius oleh pihak Kementerian yang saya fikir perlu. diarabil kira" dalam membuat perhitungan sama- ada tnatlamat Kementerian Pelancongan dan Perbadanan Pelancongan Malaysia itu akan tercapai sepenuhnya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menyebut fakta itu, izinkan saya meraperdengarkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini pendapat saya mengenai dengan kejayaan soal pelancongan. Saya berpendapat kejayaan industri pelancongan adalah berkisar kepada soal pokok, iaitu satu perkara yang saya namakan 'infrastruktur pelancongan' dan infrastruktur pelancongan ini saya akan beri kepada 4 perkara yang tidak boleh dipisahkan:

- (i) mesti ada tempat-tempat unik dan menarik;
- (ii) tempat-tempat unik dan raenarik ini dimaklumi oleh bakal-bakal pelancong;
- (iii) mesti ada alat penghubung ke tempat-tempat unik dan menarik itu; dan

(iv) mesti acia kemudahan-kemudahan asas di tempat-terapat itu.

Kalau soal pokok ini telah wujud, maka gagasan yang tertera di muka-surat 281 dan 283 dalam Buku Anggaran Belanjawan 'Program dan Prestasi 1989 itu akan menjadikan soal pokok ini sebagai satu pohon yang rendang yang boleh digunakan sebagai pohon pelindung di waktu panas.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya satu daripada empat perkara yang saya sebut itu tiada ataupun kurang memuaskan, maka industri pelancongan dalam negara ini, pendapat saya, akan tumbuh seperti pokok yang tidak berdaun.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sekiranya andaian ini benar maka gagasan Kerajaan dalam menjayakan industri pelancongan di negara ini akan menghadapi kebuntuan, terutama sekali di Bumi Kenyalang dan di Bumi di Bawah Lindungan Bayu kerana walaupun negeri Sabah dan Sarawak mempunyai tempat-tempat unik dan menarik, mempunyai kemudahan-kemudahan asas di tempat-tempat itu tetapi alat penghubung ke tempat-tempat menarik itu kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, alat penghubung yang dikatakan kurang memuaskan dalam konteks ini ialah alat pengangkutan udara yang perkhidmatannya dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia atau ringkasnya MAS. Inilah fakta yang saya sebut sebentar tadi yang boleh mempengaruhi kejayaan atau kegagalan dasar industri pelancongan negara ini dan harus diambilkira dalam membuat perhitungan mengenai dengan soal pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui Sabah dan Sarawak itu letaknya lebih kurang 2,000 batu daripada ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur. Oleh hal yang demikian, kedudukan ini kurang strategik jika dibandingkan dengan tempat-terapat pelancongan yang lain yang ada di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Tiong petang kelmarin, Sarawak telah raerancang dan melaksanakan perkara-perkara yang berhubung kait rapat dengan industri pelancongan. Dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah sedikit sebanyak telah pun bertindak sedemikian sesuai dengan dasar Kerajaan, tetapi bilangan pelancong yang datang ke Sabah merupakan angka yang tidak setimpal dengan kemudahan yang telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan yang kita boleh ambil daripada kejadian ini ialah kelembapan perusahaan pelancongan di kedua buah negeri ini disebabkan oleh 2 perkara:

- (i) ongkos penerbangan ke Kota Kinabalu dan Kuching daripada Kuala Lumpur ataupun dari Singapura berada di paras yang tidak dimampui oleh sebilangan banyak bakal pelancong dari luar negeri;
- (ii) penerbangan ke Kota Kinabalu dan Kuching dari Kuala Lumpur atau Singapura tidak mencukupi.

Kalau tanggapan ini benar, Tuan Yang di-Pertua, apakah strategi atau gagasan Perbadanan Pelancongan itu seperti yang disenaraikan di mukasurat 283 di dalam buku yang saya sebut tadi akan tercapai?

Kalau tanggapan ini benar, apakah rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah dan Sarawak itu mendapat faedah yang maksimum daripada industri pelancongan?

Kalau tanggapan ini benar, apakah industri pelancongan di negara ini berkembang secara sihat dan seimbang?

Kalau tanggapan ini benar, apakah industri pelancongan negara ini akan menjadi pesat?

Kalau tanggapan ini benar apakah industri pelancongan itu menjadi industri utama negara ini?

Kalau tanggapan ini benar, bolehkah induatri pelancongan di negara ini membangun dan dengan berteraskan unsur-unsur kebudayaan yang padu?

Tuan Yang di-Pertua, kalau tanggapan ini benar, maka jawapan kepada 6 persoalan yang saya bentangkan itu ialah tidak. Dan kalau jawapannya, tidak, maka saya khuatir wang yang sebegitu banyak yang akan dibelanjakan oleh Kementerian Pelancongan dan Perbadanan Pelancongan Malaysia akan menjadi sia-sia.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengganggu perbahasan ini sebentar untuk membolehkan saya menurut Seksyen 6(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat meminta Yang Berhormat .Tuan Haji Shaharom bagi rmpengerusikan mesyuarat ini sehingga Dewan ini ditangguhkan pada pukul 8.00 malam ini. Sekian, dipersilakan.

[Tuan Haji Shaharom mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Sila Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin untuk menyambung perbahasan.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menyedari keadaan yang sebenar, Kerajaan negeri Sabah dan, Sarawak melalui wakil-wakilnya, di Parlimen berkali-kali merayu kepada pihak yang berkenaan agar tambang, dari Kuala Lumpur ke Singapura ke Kota Kinabalu dan Kuching diturunkan kepada paras yang dimampui oleh pelancong luar negeri dan pelancong dari Semenanjung Malaysia, di samping memperbanyakkan penerbangan ke destinasi-destinasi yang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa pihak yang berkenaan sedikit sebanyak telah melayani permintaan ini seperti mewujudkan sistera group tours, dengan izin, dan special flight, tetapi usaha ini masih berada di tahap yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan negeri Sarawak merayu agar SIA ataupun Sistem Penerbangan Singapura dibenarkan untuk membawa pelancong ke Kuching dari Singapura atas 3 sebab. Sebab pertama, Singapura itu adalah satu-satunya negara dalam ASEAN yang menjadi tumpuan segala lapisan bangsa-bangsa dari negara luar

sama ada untuk tujuan perniagaan atau pelancongan. Kedua, Singapura itu tempat persinggahan banyak bangsa-bangsa dari luar negeri sesuai dengan lokasinya yang amat strategik sehingga mendapat gelaran, dengan izin, gateway to Asia atau pintu gerbang ke Asia. Ketiga, daripada jumlah semua pelancong dari luar negeri yang berkunjung ke Malaysia, rakyat Singapur adalah yang terbanyak sekali iaitu kita telah difahamkan dalam sesi soal jawab kelmarin iaitu 2.3 juta sehingga September, 1988, rakyat Singapura yang mengunjungi Malaysia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan akibat daripada permintaan negeri Sarawak itu, satu perasaan yang tidak baik telah timbul di mana kita telah dituduh bahawa niat ikhlas itu dianggap sebagai serong dan tidak patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau niat menjayakan Dasar Kerajaan itu dianggap sebagai tidak patriotik, kami rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak ingin tahu apa istilahnya, kalau ada pihak yang tertentu seperti MAS yang tidak sanggup berkorban untuk menjayakan dasar itu. Apakah pihak itu dianggap sebagai patriotik? Kalau permintaan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak membenarkan SIA membawa pelancong dari Singapura ke Kuching dengan tujuan menjayakan Dasar Pelancongan Kerajaan dianggap tidak patriotik, atas alasan apa SIA dibenarkan membawa pelancong-pelancong dari Singapura ke Langkawi, dari Singapura ke Kuantan dan dari Singapura ke Pulau Pinang?

Tuan Yang di-Pertua, apakah juga Kedah dianggap sebagai tidak patriotik, apakah juga Pahang dianggap sebagai tidak patriotik? Ataupun Pulau Pinang dianggap sebagai tidak patriotik? Kalau ketiga-tiga negeri yang tersebut tadi dalam soal pelancongan ini

dianggap tidak patriotik, sememangnya benar bahawa rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak juga tidak patriotik. Tetapi kalau dalam hal membenarkan SIA membawa pelancong dari Singapura ke Langkawi, dari Singapura ke Pulau Pinang dan dari Singapura ke Kuantan, soal patriotik tidak pernah ditimbulkan, tetapi dalam hal permintaan Sarawak dan Sabah ditimbulkan. Bagi kami rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak sikap seumpama ini dinamakan double standard, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan sikap diskriminasi dan seterusnya bagi kami rakyat Malaysia di Sarawak dan Sabah sesiapa sahaja pihak yang berwajib yang tidak sanggup berkorban yang asyik menjaga periuk nasinya sendiri di dalam menjayakan sesuatu dasar Kerajaan, pihak itulah yang harus digelar sebagai pihak yang tidak patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu MAS enggan menurunkan tambang dari Semenanjung Malaysia dan Singapura ke Sabah dan Sarawak kerana dihantui oleh fakta kurang keuntungan. Kita juga tahu bahawa MAS enggan memperbanyakkan penerbangannya dari Semenanjung Malaysia dan Singapura ke Sabah dan Sarawak kerana dihantui oleh fakta servis dan ongkos berlebihan dan kita juga tahu MAS enggan memberi persetujuan kepada SIA untuk membawa pelancong dari Singapura ke Kota Kinabalu dan Kuching kerana dihantui oleh fakta persaingan. Kalau tanggapan ini benar, bukankah pihak MAS itu secara tidak langsung enggan menyokong dasar Kerajaan dalam menjayakan industri pelancongan kerana asyik menjaga keuntungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lokasi Sabah dan Sarawak terletak di tempat yang kurang strategik yang tidak disengaja

pihak-pihak yang berwajib seharusnya meletakkan rakyat Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak di dalam golongan rakyat yang kurang bernasib baik di dalam bidang pelancongan dan biasanya, Tuan Yang di-Pertua, golongan yang kurang bernasib baik itu diberi bantuan khas. Siberawajib membantu dengan ikhlas dan tidak raengenal kerugian. Permintaan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak cuma sekadar tambang dimurahkan kepada paras yang dimampui dan penerbangan diperbanyakkan, itupun dipandang sepi, apa lagi diberi bantuan khas tentu sekali.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa kalau tambang diturunkan, penerbangan diperbanyakkan dan persaingan dibenarkan, ada kemungkinannya keuntungan tahunan MAS itu di dalam perkhidmatannya ke Sabah dan Sarawak akan menurun, tetapi MAS juga harus sedar, bahawa di sebalik keuntungan yang mungkin menurun itu ada rahmat-rahmat lain yang akan dinikmati oleh berjuta-juta rakyat Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak. Rahmat-rahmat lain ini ialah:

Pertama, dengan menurunkan tambang banyak pelancong-pelancong yang akan melancong ke Sabah dan Sarawak. Bukankah matlamat ini matlamat Kerajaan? Pelancongan berjaya, rakyat berfaedah.

Kedua, dengan berjayanya pelancongan negara, bukankah secara automatis MAS terpaksa memperbanyakkan penerbangan dari luar negeri ke tempat-tempat pelancongan yang ada di negara ini? Bukankah penerbangan yang banyak itu tnaknya perniagaan MAS laris dan akan mendapat keuntungan yang banyak?

Ketiga, dengan memersetujui pesawat lain untuk membawa pelancong ke Sabah dan Sarawak yang berraakna membenarkan persaingan, bukankah persaingan itu perkara biasa dalam negara kapitalisme, yang mana negara kita Malaysia ini raenjadi pengaruh fahaman itu? Bukankah fahaman kapitalisme itu menggalakkan persaingan untuk meningkatkan daya usaha pengamal-pengamalnya dalam semua bidang yang disertai?

Keempat, dengan menurunkan tambang ke paras yang boleh dimampui, bukankah banyak rakyat Malaysia dari Sarawak dan Sabah akan dapat berkunjung ke Semenanjung Malaysia dan begitu juga sebaliknya banyak rakyat Malaysia dari Semenanjung Malaysia yang akan dapat berkunjung ke Sabah dan Sarawak. Bukankah kunjung mengunjung itu akan mengakibatkan interaksi sosial? Bukankah interaksi sosial itu pintu ke arah kenal mengenal di antara satu sama lain dengan lebih mendalam lagi? Bukankah pepatah Melayu ada mengatakan: "Tidak kenal maka tidak cinta"? Apabila rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dan rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia sudah berkenal-kenal dan bercinta-cinta, bukankah ini integrasi nasional namanya? Dengan tercapainya matlamat Kerajaan dalam hal integrasi nasional, bukankah suasana politik di negara ini akan menjadi stabil dan kukuh? Bukankah kestabilan politik dalam sesuatu negara itu berhubung kait rapat dengan ekonomi negara itu?

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, dengan menurunkan tambang ke paras yang dimampui, maka akan tercapailah satu daripada matlamat Kementerian Pengangkutan seperti yang tertulis di mukasurat 89 buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1989, yang berbunyi, dengan izin, saya baca:

"Tujuan Kementerian Pengangkutan ialah untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat dan integrasi negara dengan memudahkan lagi mobiliti dan 'accessibility'.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah duduk perkara yang sebenar seperti yang saya bentangkan itu, bukankah permohonan rakyat Malaysia di Sabah dan di Sarawak yang meminta:

- (i) tambang MAS diturunkan ke paras yang dimampui;
- (ii) penerbangan diperbanyakkan ; dan
- (iii) SIA dibenarkan membawa pelancong ke Sabah dan Sarawak,

merupakan satu permintaan yang tidak keterlaluan. Kalau juga permintaan yang tidak keterlaluan ni dipandang sepi oleh pihak yang berwajib, bukankah ini merupakan tindakan secara tidak langsung yang mempunyai kesan-kesan negatif terhadap industri pelancongan?

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan negatif ini ialah seperti yang saya akan sebut sebentar lagi:

- (i) Industri pelancongan di negara ini tidak akan dapat dipesatkan dengan bertaraskan kepada kebudayaan negara yang mencerminkan perpaduan kerana banyak pelancong-pelancong dari luar negeri yang tidak berkesempatan atau berpeluang untuk menyaksikan kebudayaan rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah dan di Sarawak, walhal kebudayaan-kebudayaan rakyat Malaysia yang ada terdapat di Sarawak dan Sabah berlainan dan mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan kebudayaan yang didapati di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, misalnya terdapat tarian Semazau yang kita tidak dapati di Semenanjung Malaysia. Di Sabah terdapat tarian Daling-daling yang kita tidak ada dapati di Semenanjung Malaysia. Di Sabah terdapat tarian Sumaranou yang tidak ada di Semenanjung Malaysia.

- (ii) Perkembangan industri di negara ini tidak berjalan secara seimbang pertimana yang dirancang oleh Perbadanan Pelancongan Negara kerana dengan kurangnya bilangan pelancong yang datang ke Sabah dan Sarawak, maka rakyat Malaysia yang tinggal di negeri-negeri itu tidak akan dapat faedah yang maksimum dari industri pelancongan, berbanding dengan rakyat senegaranya yang berada di Pahang, di Pulau Pinang ataupun di Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari dengan duduk perkara yang sebenar, kami rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak ingin bertanya sekali lagi kepada Kerajaan, bolehkah Kerajaan Persekutuan amnya dan Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan khususnya, menyedarkan MAS berhubung dengan soal-soal yang saya bangkitkan tadi? Kalau juga pihak MAS memandang sepi permohonan yang tidak keterlaluan ini, setelah difahamkan oleh kedua-dua Kementerian yang saya sebut tadi, bolehkah Kerajaan Persekutuan dapat menimbangkan sekiranya ada permohonan dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk meluluskan kebenaran lesen tnewujudkan perkhidmatan pesawat penerbangan khas untuk Sabah dan Sarawak yang mungkin diberi nama SSA (Sabah Sarawak Airways) untuk memenuhi kehendak Dasar Pelancongan?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa permintaan ini juga tidak keterlaluan kerana takkan Kerajaan dapat membina jambatan sejauh 2,000 batu seperti yang telah dibina di Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, cuma dengan cara yang sedemikian sahajalah, saya rasa rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak akan betul-betul mendapat

faedah maksimum daripada dasar industri pelancongan negara selaras dengan cogan kata "Pelancongan Berjaya, Rakyat Berfaedah".

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Saya persilakan dari Sarawak, Yang Berhormat Encik Douglas .

6.45 ptg.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berdiri di Dewan yang mulia ini mengambil bahagian bersama dengan rakan-rakan Yang terhormat yang lain untuk menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang bernama Satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Baru sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar rakan Yang Berhormat dari Sabah yang menyentuh hal pelancongan ke Sabah dan Sarawak dengan hebat dan hangat, dan saya cuba memberi pandangan saya dengan halus dan lemah-lembut [Ketawa].

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan negara Malaysia yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini. Saya berasa bangga juga kerana ekonomi negara kita telah bertambah pulih dan kukuh selepas kita mengalami berbagai cabaran dan masalah di masa ekonomi dalam keadaan yang merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin menyentuh sarba sedikit mengenai Dasar Ekonomi Baru. Dalam pandangan saya, Dasar Ekonomi Baru ini adalah satu alat yang paling efektif dan berkesan. Untuk negara kita menyusun semula kemajuan masyarakat bumiputera, tetapi saya harap ini merangkumi masyarakat Dayak di negeri Sarawak iaitu

kaum Iban, Bidayuh, Kayau dan sebagainya kerana dari segi infrastruktur dan komunikasi yang belum lagi memuaskan dalam keseluruhannya di negeri Sarawak. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini di negeri Sarawak, khasnya di kalangan masyarakat Dayak dan luar bandar, belum Lagi berjalan dengan licin, bermakna matlamatnya belum tercapai. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya Dasar Ekonomi Baru ini disambung semula sehingga matlamatnya tercapai dengan cemerlang [**Tepuk**].

Tuan Yang di-Pertua, saya faham mengikat teori ekonomi, apabila kita telah tncapai setakatnya iaitu 'stage of equilibrium', dengan izin, berbagai masalah akan berlaku. Oleh yang demikian, eloklah kita berjaga-jaga supaya akibat buruknya dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kami, masyarakat bumiputera di Sarawak, khasnya, masyarakat Dayak masih lagi dalam ketinggalan di berbagai bidang ekonomi. Sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi bimbingan yang sewajarnya, memberi didikan yang sentiasa berkesan.

Saya bukan minta seperti kata pepatah, "memberi kami ikan, kerana itu cuma dapat dimakan dalam sehari sahaja", tetapi didikan kami berikan supaya kami dapat makan ikan ini disepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menyentuh beberapa perkara bagaimanakah kami dapat didikan mencari ikan.

Saya menyentuh Maksud B.52 - Kementerian Kerjaraya. Sebenarnya di Persidangan yang lalu, saya ada tnenyentuh perkara iai iaitu pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo dari Kuching terus ke Lawas sampai menerusi Brunei terus ke Sabah. Saya tahu pelaksanaan projek ini sedang berjalan, tetapi di sini saya ingin bertanya, berapakah dari peruntukan bagi tahun 1989 iaitu \$351,917,000 yang akan diberikan kepada projek ini dalam tahun hadapan, pada bila masakah jalanraya dari Bandar Sri Aman ke Bandar Sarikei dan terus ke Bandar Sibu akan siap sedia diturap ataupun ditar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.44 - Kementerian Penerangan. Bagi majoritinya rakyat di luar bandar di negeri Sarawak khasnya di kawasan pendalaman, perhubungan mereka dengan dunia luar adalah hanya melalui siaran radio, siaran radio adalah punca utama mereka dapat tahu khasnya mengenai dasar Kerajaan, rancangan pembangunan, nasihat dan panduan pemimpin di sesuatu kejadian di seluruh negara.

Mengikut angkanya pada tahun 1980, 60% penduduk di luar bandar khasnya di negeri Sarawak memiliki radio iaitu:

Kaum	Jumlah
Iban	49%
Melayu	62%
Melano	53%
Bidayuh	50%

Jika dibanding dengan hanya:

Kaum	Jumlah
Melayu	8%
Melano	4%
Iban	1%
Bidayuh	1%

yang memiliki TV. Maka dari angka itu kita dapat memahami berapa penting perkhidmatan siaran rangkaian radio kepada rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita berpuashati dengan perkhidmatan yang sedia ada, khasnya perkhidmatan Rangkaian Nasional, Rangkaian Nasional ini menyiarkan program dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah bukan seluruh rakyat luar bandar memahami Bahasa Malaysia, kebanyakaa petani di luar bandar masih belum gigih dalam Bahasa Malaysia, maka mereka ini hanya dapat mendengar program penyiaran dalam bahasa suku kaum masing-masing seperti Perkhidmatan Iban, Bidayuh dan Kayan-Kenyah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita kerana taraf Perkhidmatan Iban dalatn RTM Kuching telah menurun, Sejak 25 tahun merdeka taraf Perkhidmatan Iban dalam radio dari segi bahan siaran dengan bahasa

dan rangkaianannya tidak ditingkatkan setaraf, seimbang dengan perkhidmatan lain khasnya Rangkaian Nasional. Ini adalah menyedihkan memandangkan betapa pentingnya radio, kerana melalui perkhidmatannya dapat meningkatkan komunikasi yang berkesan di antara Kerajaan dengan rakyat, dan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Di luar bandar radio menjadi alat komunikasi yang penting dan berpengaruh untuk menerangkan dasar dan rancangan Kerajaan, seterusnya mewujudkan Perpaduan Kebangsaan Negara. Maka dengan hasrat hendak melihat Perkhidmatan Iban di RTM Kuching memainkan peranan lebih berkesan sebagai alat komunikasi di antara rakyat, khasnya kaum Iban di luar bandar di negeri Sarawak dengan Kerajaan, maka saya mencadangkan bahawa peruntukan untuk Perkhidmatan Iban ditingkatkan dari apa yang telah diperuntukkan dalam tahun 1988. Misalannya tahun 1988 Perkhidmatan Iban hanya diperuntukkan \$57,600 sahaja. Ini dianggap begitu rendah, jika dibanding dengan \$223,200 untuk Rangkaian Nasional, \$67,200 untuk Perkhidmatan Bidayuh, \$52,800 untuk Perkhidmatan Inggeris dan \$68,800 untuk Perkhidmatan Cina.

Yang kedua, saya mencadangkan ditambahkan pegawai di Bahagian Perkhidraatan Iban. Ini saya fikir perlu, kerana jumlah pegawai dalam Perkhidmatan Iban lagi kurang, jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang lain. Misalnya sehingga September tahun 1988 Perkhidmatan Iban hanya mempunyai 60 orang pegawai jika dibandingkan dengan 434 pegawai Rangkaian Nasional, 165 untuk Perkhidmatan Cina. Dengan penambahan ini, saya berharap Perkhidmatan Iban di Bandar

Sri Aman, Limbang, Sarikei, Kapit dapat diperkuatkan.

Ketiga, saya juga mencadangkan Pegawai Penempatan Iban ditempatkan di Kuala Lumpur, kerana ia dapat mengumpulkan bahan-bahan siaran yang bermutu di seluruh negara iaitu Rangkaian Nasional. Dan diharap bahan-bahan nasional itu dapat mempertingkatkan integrasi nasional di antara kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya juga ingin bertanya kepada Menteri Penerangan iaitu bilakah Jabatan RTM akan melantik pegawai di Perkhidmatan Iban dan Kayan-Kenyah, Pegawai Kategori Timescale A, dengan izin. Saya bertanya ini kerana setakat sekarang sehingga September, 1988 tidak ada seorang pun pegawai di Perkhidmatan Iban dan Kayan-Kenyah dalam Kategori Timescale A, dengan izin.

Saya merayu kepada Kementerian Penerangan untuk mengkaji sejauh manakah perkhidmatan-radio di negeri Sarawak dapat memainkan peranan sebagai alat perhubungan di antara rakyat dengan Kerajaan dan di antara Kerajaan dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyentuh Maksud B.54 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini, bilakah pembinaan Maktab Rendah Sains MARA akan bermula di Sarawak, kerana rakyat bumiputera di Sarawak telah lama menunggu pembinaan MRSM yang pertama untuk Negeri Sarawak. Saya difahamkan bahawa tapak untuk MRSM ini telah disediakan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 11(3), saya tempohkan persidangan ini selama 20 minit untuk menunaikan solat Maghrib.

Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang boleh menyambung sedikit lagi selepas ini. Mesyuarat ditempohkan.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.00 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.20 malam.

[Tuan Haji Shaharom mempengerusikan Mesyuarat]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Douglas menyambung sedikit lagi perbahasannya. Sila.

7.21 mlm.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekarang lebih kurang hanya 30 orang pelajar bumiputera dari Sarawak yang mendapat peluang memasuki Maktab Rendah Sains MARA di beberapa MRSM di Semenanjung Malaysia setiap tahun. Saya penuh yakin bahawa lebih ramai lagi anak-anak bumiputera dari Sarawak yang layak memasuki MRSM, tetapi oleh kerana tempat tidak ada, maka mereka terpaksa ditolak dan terus hilang peluang mengikuti kursus dalam MRSM itu. Ini sangat menyedihkan.

Maka atas kesedaran masalah ini, kami rakyat di Sarawak memohon supaya sekurang-kurangnya sebuah MRSM akan dibina di Sarawak. Dengan pembinaan MRSM di Sarawak, kita berharap ramai lagi anak-anak bumiputera khasnya di luar bandar berpeluang untuk menyertai kursus-kursus MRSM. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian untuk meneruskan pembinaan MRSM ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin, menyentuh Maksud B.26 Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1989 seramai 14,300 guru-guru baru akan ditempatkan di beberapa sekolah di seluruh negara. Saya percaya kebanyakan mereka ini adalah guru-guru yang baru keluar dari Maktab Perguruan. Dasar yang sentiasa diamalkan ialah untuk menempatkan guru-guru yang baru ini ke sekolah-sekolah di luar bandar. Setelah memerhati perkembangan dan kemajuan sekolah-sekolah dan prestasi murid-murid luar bandar, saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di luar bandar khususnya di negeri Sarawak mengalami berbagai kekurangan. Ini telah cukup untuk menurunkan matapelajaran mereka. Ini nyata apabila kita mengkaji prestasi murid-murid kita adalah sangat rendah. Maka dengan dasar Kementerian Pendidikan untuk menempatkan guru-guru yang baru lepas dari Maktab Perguruan, pada pandangan saya akan menambahkan masalah di sekolah-sekolah luar bandar. Guru-guru ini belum lagi mempunyai pengalaman, kerana mereka baru keluar dari maktab. Rupa-rupanya sekolah di luar bandar juga menjadi maktab di mana guru-guru ini mendapat pengalaman. Yang menyedihkan lagi ialah mereka ini, kebanyakannya akan bertukar ke sekolah di bandar selepas mendapat apa-apa pengalaman. Saya berpendapat ini tidak begitu adil kepada murid-murid sekolah di luar bandar.

Oleh yang demikian, saya bercadang bahawa jumlah guru-guru baru lepas maktab yang dihantar ke sekolah luar bandar dikurangkan. Sebaliknya ramai lagi guru-guru yang mempunyai pengalaman dihantar ke sekolah luar bandar supaya dapat meningkatkan taraf pendidikan sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya menyentuh mengenai penempatan guru iaitu pertukaran guru di antara negeri-negeri. Kita dimaklumkan bahawa seramai 7,200 guru akan terlibat dalam pertukaran di antara negeri. Tuan Yang di-Pertua, dari segi, integrasi nasional, dasar ini memang baik tetapi jika kita meninjau dengan lebih mendalam dasar ini, iaitu pertukaran guru di antara negeri, pertukaran guru di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak ianya menjadi masalah, kerana isu ini dianggap sebagai tindakan yang mendapat peluang para penganggur tempatan di luar bandar. Isu ini juga senang dieksploitsikan dan senang juga menimbulkan perasaan tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapa orangkah guru-guru yang akan ditempatkan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1989. Yang kedua, berapa orangkah guru-guru dari Sabah dan Sarawak yang akan ditempatkan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1989. Ketiga, saya bertanya, adakah dasar penempatan guru-guru dari Semenanjung Malaysia ini akan dikekalkan atau ianya merupakan tindakan yang sementara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka menyentuh Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama.

Negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang mengeluarkan lada hitam atau lada patih yang paling banyak sekali. Dari jumlah pengeluaran, lebih 96% tanaman lada tersebut diusahakan di negeri Sarawak. Tanaman lada adalah satu tanaman yang diusahakan secara kecil-kecilan iaitu, dengan izin, smallholdings. Oleh yang demikian ramai petani di negeri Sarawak terlibat di bidang ini. Jikalau mengikut statistik, jumlahnya ialah 38,000 keluarga yang terlibat dan jikalau ini dilipat-gandakan dengan 5 orang dalam satu keluarga, seramai 190,000 penduduk adalah terlibat ertinya 15% penduduk di seluruh negeri Sarawak adalah terlibat. Ini adalah merupakan betapa pentingnya industri lada di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama khasnya dan Kerajaan Malaysia amnya, kerana baru-baru ini kita telah dapat menganggotai Pertubuhan Lada

Antarabangsa [IPC]. Ini adalah satu langkah yang berkesan dan positif untuk membolehkan negara kita memperluaskan pasaran lada diperingkat antarabangsa. Dengan kadar harga lada putih ataupun lada hitam di masa sekarang yang memuaskan, saya ingin merayu kepada Kementerian yang berkaitan supaya pasaran lada di peringkat antarabangsa diperkembangkan dengan seluas-luasnya agar harga lada sentiasa stabil dan seimbang dengan ongkos pengeluarannya yang semakin meningkat kerana harga kimia dan baja semakin meningkat di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bertanya mengapakah lada Malaysia kita dinamakan "lada hitam". Yang sebenarnya lada hitam ini ialah satu jenis lada yang dikeluarkan oleh negara kita. Yang sebenarnya lada hitam ini dari segi prosesnya, kualitinya rendah lagi dari lada putih, sebab itu harganya pun rendah juga. Adakah Kementerian berkenaan bercadang menukar nama itu dengan "lada Malaysia" sahaja, kerana dalam Bahasa Inggeris ia dinamakan, dengan izin, Pepper Marketing Board of Malaysia? Kenapakah lada ini dalam Bahasa Malaysia dinamakan Jemaah Pasaran Lada Hitam? Nama ini senang dieksploitasikan. Saya pernah pergi ke negari asing seperti di Korea Selatan. Di Korea Selatan, berjenis-jenis lada pun ada. Berbagai-bagai jenis ada - lada merah ada, lada hijau, ada; lada putih, ada; lada hitam, ada. Yang dikatakan di Korea Selatan, lada merah ialah cili merah; yang dikatakan lada hijau iaitu cili hijau. Dari segi ini pasaran lada Malaysia kita senang dieksploitasikan, dan senang ditirikan. Sebab itu saya memohon mencadangkan supaya nama Jemaah Pasaran Lada Hitam ini ditukarkan dengan Lembaga Pasaran Lada Malaysia - cukup.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya ingin bertanya, adakah Kementerian berkenaan bercadang mengutip pepper cess supaya diadakan satu tabung? Tujuan tabung itu untuk mengawal harga lada itu sentiasa stabil dan juga dengan wang kutipan itu, tabung itu dapat mengawal harga apabila harganya jatuh dari paras ongkos pengeluaran di pasaran antarabangsa. Jika ianya tidak ada, saya mohon mencadangkan sejumlah dari peruntukan perbelanjaan wang untuk tahun 1989 harus diperuntukkan untuk mengadakan satu tabung iaitu Tabung Perusahaan Lada Malaysia supaya ianya dapat ditubuhkan pada tahun hadapan. Ini ialah kerana saya memandangkan betapa pentingnya industri lada di kalangan masyarakat di Sarawak. Kemudian tabung itu boleh mengutip cess dari pengeluaran lada. Jikalau ianya tidak dapat dibuat sekarang, saya juga merayu kepada Kementerian berkaitan untuk mengkaji rayuan ini dengan mendalam supaya ianya dapat diadakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi akhirnya, saya ingin mengalu-alukan apa yang telah diumumkan oleh Yang Barhormat Menteri Pendidikan iaitu bahasa Iban sekarang dapat diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak. Saya menganggap ini ialah satu langkah yang berkesan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan bahasa ibunda juga terus diajar di sekolah-sekolah. Saya percaya dan yakin Kementerian berkaitan juga akan mengambil langkah yang positif untuk membekalkan alat-alat mengajar serta anggota-anggota mengajar supaya kursus dalam bahasa Iban dapat dijalankan dengan seluas-luasnya.

Dengan pandangan yang begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dan memohon menyokong Rang Undang-undang tersebut supaya diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Tuan Stephen Timochy.

7.40 mlm.

Tuan Stephen Timothy Wan Unllok: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 5hb Disember, 1988.

Pertama sekali, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional Malaysia di atas dasar-dasar yang dikemukakan dalam Belanjawan 1989, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Bukanlah tujuan saya untuk mengulang semula semua perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya hanya merujuk kepada satu atau dua perkara yang saya anggap mustahak diulas pada masa ini. Tetapi sebelum itu ingin juga saya memberi pandangan am dari pihak saya sendiri sebagai rakyat biasa mengenai Belanjawan 1989 yang cukup memuaskan hati dan membanggakan kita. Kita cukup gembira juga sebab Kerajaan Barisan Nasional nampaknya dapat mengidentifikasi masalah ekonomi negara dan terus dapat memastikan segala cadangan-cadangan sebagai langkah-langkah yang positif akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu. Ini menambahkan keyakinan kita bahawa Kerajaan akan dapat mencapai kejayaan yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong penuh pendapat Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu tanpa kestabilan politik di negara

ini, Kerajaan tidak mampu mengekal dan mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara. Kita sebagai rakyat Malaysia dari berbilang kaum dan lapisan hidup wajib menunjukkan sikap taat setia dan sokongan penuh kepada Kerajaan menghadapi masalah yang boleh merosakkan perpaduan di negara ini. Semua parti komponen Barisan Nasional patut mengambil sikap positif dan bekerjasama untuk menjaga dan menjaminkan perpaduan di antara kaum di negara ini. Tidaklah patut ahli-ahli dari parti komponen mengkritik atau mengkecam dasar Kerajaan dengan cara terbuka. Jikalau sesiapa yang merasa tidak puas hati dengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, sebagai rakan dalam Barisan Nasional eloklah kita berbincang dan bertukar fikiran. Jika betul-betul, perlu kita memberi teguran, berilah teguran dengan sewajarnya dengan jujur dan diplomasi [**Tepuk**]. Janganlah kita menimbulkan perasaan emosi yang boleh mengakibatkan perselisihan faham dan pergaduhan. Kita harus berhati-hati supaya jangan mengeluarkan kenyataan yang boleh menyedih dan membawa kemarahan di antara satu sama lain.

Dasar-dasar yang sudah menjadi latar belakang dan garispanduan Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini patutlah dihormati. Dasar-dasar yang sedia ada pada masa sekarang adalah hasil daripada persetujuan pemimpin-pemimpin tanahair kita dari berbilang parti dan kaum. Kita sekarang cuma mewarisinya.

Tuan Yang di-Pertua, sikap bertolak ansur dan tolerance di antara kaum dan golongan di masyarakat kita sejak kita mendapat kemerdekaan menghasilkan keharmonian dan kestabilan politik dan ini pula memberi peluang kepada Kerajaan kita untuk menubuhkan pembangunan ekonomi dan sosial yang kita sekarang menikmati. Jikalau suasana ini dapat dikekalkan, kita percaya dapatlah Kerajaan

mencapai kejayaan yang lebih besar lagi. Salah satu daripada matlamat Kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan di seluruh negara. Kejayaan ekonomi negara ini ialah sebagai kunci ke arah kebahagiaan negara dan rakyat Malaysia. Jikalau negara kita maju dan kaya Kerajaan dapatlah membahagi-bahagikan peluang kehidupan kepada semua rakyat dan wilayah. Ini bermakna semua rakyat berpeluang untuk membaiki keadaan hidup. Jikalau keadaan seperti ini terjadi, kita yakin perasaan kekecewaan dan tidak puas hati tidak akan timbul lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebagai pemimpin-pemimpin kita wajib memberi apa sahaja sumbangan yang kita boleh kepada Kerajaan untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun menerangkan tentang pentingnya peningkatan eksport negara. Berkenaan dengan perkara ini ingin saya menyentuh tentang masa depan eksport pengeluaran kayu kita ke luar negeri. Kita sungguh kesal membaca dalam suratkhbar tempatan tentang tunjuk perasaan oleh golongan tertentu di negara-negara Eropah, Jepun, Australia dan lain-lainnya menentang import tropical hardwood dari Malaysia. Mereka mendakwa kegiatan pembalakan di Malaysia menjejaskan alam sekitar dan di negeri Sarawak kononnya memangsakan kehidupan kaum orang Penan.

Kita berpendapat kempen-kempen yang sungguh hebat ini bukan sahaja dari golongan environmentalist, dengan izin, tetapi juga dari pihak-pihak tertentu yang tidak ingin hasil kayu kita dijual di pasaran itu. Mereka berharap dengan menghalang kepada penjualan kayu kita ke negara-negara tersebut, mereka akan mendapat pasaran

luas lagi untuk hasil kayu mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu industri perkayuan adalah satu sumber yang memberi hasil besar kepada negara kita. Kita berharap agar Kerajaan jangan membiarkan sahaja kempen-kempen dari golongan-golongan seperti ini yang memburuk-burukkan imej sumber eksport kita di rantau antarabangsa berterusan. Kita percaya kita mampu juga menjalankan kempen-kempen dengan cara besar-besaran di luar atau di dalam negeri untuk melawan dan menentang penyelewengan seperti ini.

Tentang dakwaan mengenai terjejasnya cara hidup orang Penan di Sarawak, saya ingin menegaskan, saya sebagai seorang ahli Jawatan-kuasa Hal Ehwal Orang Penan di negeri Sarawak tahu Kerajaan Negeri sudah dan sedang merancang projek-projek untuk kaum Penan. Implimentasi rancangan Kerajaan Negeri mungkin mengambil masa panjang sedikit. Saya mengakui kaum Penan di negeri Sarawak mengalami kesukaran dalam proses menukar cara kehidupan mereka dari normadic ways of life ke cara moden. Mereka tidak mahir membina rumah mereka sendiri dan tidak mempunyai keupayaan untuk mengangkut bahan-bahan binaan rumah seperti atap zinc dan alat-alat pertukangan ke tempat-tempat ke diaman mereka di hulu-hulu sungai. Oleh sebab tempat kediaman mereka jauh di hulu-hulu sungai, cuma perkhidmatan kapalterbang helekopter dari tentera sahaja yang sesuai untuk mengangkut barang-barang dengan cepat. Mereka juga perlu bimbingan dalam cara bercucuk tanam dan ternakan. Pada masa sekarang oleh sebab bilangan mereka di hulu sungai dan pendalaman bertambah dan oleh sebab kegiatan pembalakan juga, binatang liar yang mereka biasa memburu di dalam hutan kian berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, betul kaum Penan ini betul-betul perlu pertolongan khas dari Kerajaan untuk menaikkan ke atas paras kemiskinan. Mereka harus diajak ke arah pembangunan nasional supaya mereka dapat menikmati kemudahan yang serupa dengan kaum-kaum yang lain di Malaysia. Sebilangan golongan dari luar negeri yang membuat tuduhan liar mengkritik dasar-dasar Kerajaan tidak tahu keadaan di negara kita. Kita berharap supaya Kerajaan jangan membiarkan kejahilan mereka memburukkan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berselaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran, ingin juga saya menyentuh sedikit dari segi pelancongan. Berkenaan dengan perkara ini, maafkan saya jikalau saya menumpukan ucapan saya kepada negeri Sarawak khususnya. Seperti apa yang kita tahu Kerajaan Negeri menyuarakan rasa tiada puas hati dengan perkhidmatan MAS dalam pengangkutan pelancongan ke negeri Sarawak. Kerajaan Negeri seperti negeri-negeri yang lain di Malaysia sudah belanja besar dalam rancangan-rancangan yang akan menarik ramai lagi pelancong datang ke Sarawak. Pihak berkenaan membina hotel-hotel dan menubuh banyak kemudahan yang lain khas untuk menarik negeri itu sebagai satu destinasi pelancong di negara ini. Setakat iai response dari dalam dan luar negeri tidak memuaskan. Kita sedar pentingnya peranan syarikat penerbangan dalam industri pelancongan di negeri Sarawak. Cita-cita kita tidak tercapai jikalau MAS tidak mampu memberi layanaa yang mencukupi. Oleh sebab demikian, pihak Kerajaan Negeri mencadang langkah-langkah yang patut diambil demi kepentingan industri pelancongan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendapat saya cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah paling berasas dan jujur. Oleh sebab demikian, besarlah harapan kita agar Kerajaan Pusat akan menimbang dengan cara mendalam akan objektif masalah ini. Tiada dapat dinafikan lebih ramai pelancong masuk, bermakna ramai lagi peluang bekerja untuk rakyat kita dan besar lagi pertukaran wang asing akan masuk ke negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon sokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1989. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Lim Heng Tee.

7.52 mlm.

Tuan Lim Heng Tee: Banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tak dapat ingatlah berapa kali saya sudah bangun [Ketawa], tak kurang daripada 15 kali.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ya, tak apalah, sila teruskan.

Tuan Lim Heng Tee: Saya mengucapkan banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa hari kebelakangan ini kita telah menyaksikan di dalam Dewan yang mulia ini tohmahan-tohmahan yang dilemparkan di antara pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional sama ada Kerajaan adil atau kurang adil terhadap kaum-kaum di negara ini dan adakah Kerajaan hanya mementingkan kaum-kaum tertentu dan mengabaikan kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang berparlimen demokrasi seperti Malaysia adalah tanda biasa untuk sesiapa yang tidak setuju dan menentangnya di forum seperti Parlimen ini, tetapi apa yang saya rasa kesal ialah suasana keseluruhannya berbau politik

perkauman yang tebal. Tanda demikian tidak sihat untuk sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia kerana jika kita hendak menjamin kestabilan politik, sosial dan pertumbuhan ekonomi, yang penting sekali ialah perpaduan nasional dan bukan permusuhan di antara kaum. Jika kita sentiasa menganggap kita hanya sebagai orang Cina ataupun orang Melayu, orang India, orang Kadazan, Dayak atau orang Iban dan lain-lain dan bukan orang Malaysia, kita tidak dapat mencapai perpaduan nasional yang tulen.

Apabila kita membahagikan kekayaan nasional dalam konteks kaum-kaum, kita juga membahagikan rakyat kita kepada golongan-golongan masing-masing. Kita tidak dapat mencapai objektif perpaduan nasional dan akhirnya kita akan berpecah-belah seperti di zaman penjajah. Jikalau kita terus membuat sesuatu berasaskan kepada kaum dan jikalau kita tiap-tiap perseorangan hanya berjuang untuk kepentingan kaum kita sendiri dan bukan berjuang untuk semua rakyat Malaysia, maka kepentingan kita akan bercanggah dan menghadapi konflik kepentingan ataupun 'conflict of interest', dengan izin., di antara satu sama lain. Akhirnya akan muncul ketegangan-ketegangan kaum ataupun 'racial tension", dengan, izin, di mana keamanan dan kestabilan negara tidak dapat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa ada setengah dari golongan rakyat kita yang memerlukan bantuan khas supaya kecapaian mereka sama rata dengan yang lain. Dalam kes-kes seperti ini kita boleh menggunakan ataupun mengadakan peruntukan atau tabung-tabung khas dan langkah-langkah yang tertentu untuk memberi bantuan kepada sesiapa yang memerlukan seperti biasiswa-biasiswa, pinjaman kewangan dan kemudahan-kemudahan kredit istimewa, bukan kerana mereka itu orang-orang Cina di perkampungan kampung-kampung baru ataupun

orang-orang Melayu dari kampung-kampung tradisional atau orang-orang India di estet-estet ataupun orang-orang Dayak atau Iban dari rumah panjang dan lain-lainnya, tetapi oleh kerana mereka adalah orang Malaysia yang benar-benar memerlukan bantuan.

Adalah tidak mencukupi, pada pendapat saya, memberi hanya 30% ekonomi nasional kepada kaum bumiputera dan 40% kepada yang bukan bumiputera. Pada pendapat saya, mereka harus mendapat semua 100% jika mungkin, bukan kerana mereka bumiputera atau bukan bumiputera tetapi kerana mereka semua ialah warganegara Malaysia [**Tepuk**].

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai merdeka selama 31 tahun. Sudah sampai masa untuk kita semua memikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia dalam segala hal yang kita uruskan. Marilah kita semua sama-sama kerja kuat untuk mencapai perpaduan dan kestabilan nasional dan pertumbuhan ekonomi supaya kek ekonomi di-jadikan cukup besar untuk semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi masa untuk saya mencurahkan kata-kata suara hati saya tentang perpaduan nasional dan seterusnya izinkan saya berucap sedikit tentang Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu Belanjawan bagi tahun 1989 yang berani, realistik serta kena pada masanya. Dalam Ucapan. Budget beliau, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberitahu kita bahawa strategi Belanjawan 1989 adalah menumpukan tekanan di 3 bidang, iaitu:

- (i) menyusun semula sistem cukai;
- (ii) meningkatkan peranan sektor swasta bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran; dan
- (iii) meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa perbahasan kita telah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung esok.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak kurang daripada 20 orang lagi ahli yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan. Belanjawan ini. Jadi, kita serahkan kepada kebijaksanaan kita pada hari esok. Jika sekiranya ada usul untuk menyambung lagi perbahasan ini sehingga tengah malam, insya Allah, kesemua ahli boleh dapat mengambil bahagian. Jika sekiranya masing-masing bercakap tidak mengulangi apa yang telah disebut oleh ahli yang lain, ertinya mencari bahan-bahan yang tertentu terus masuk kepada point-point yang hendak disampaikan.

Dengan ini, persidangan saya tangguhkan sehingga esok, hari Jumaat, 9hb Disember 1988, jam 3.00 petang.

Mesyuarat ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.